

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan".

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Bendera besar berkibar megah di ibu negara

■ Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN. Jumaat, 16 Februari. - Upacara menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024, yang diadakan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara pagi tadi. Hadir selaku tetamu kehormat di upacara tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024.

Turut hadir, Pengerusi-Pengerusi Bersama, Timbalan-Timbalan Pengerusi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 serta Ahli-ahli Jawatankuasa lain.

>> Muka 11

BERKENAN MENERIMA MENGADAP MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2).

Berkenan berangkat ke Upacara Perasmian Perkhidmatan

■ Oleh : Aimi Sani

RIMBA, Rabu, 14 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perasmian Perkhidmatan bagi dua daripada empat buah Pesawat C295MW baharu bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di Pangkalan Tentera Udara Rimba, hari ini.

>> Muka 3

Perasmian Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan Perbadanan TAIB

■ Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BERAKAS, Khamis, 15 Februari. - Ke arah langkah yang signifikan dalam meningkatkan perkhidmatan dan sokongan masyarakat, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) secara rasmi menubuhkan Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan bersama Persatuan

Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam (BRC).

Dengan adanya penubuhan Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan Perbadanan TAIB adalah merupakan satu perkara baharu dalam komitmen Perbadanan TAIB terhadap aspek-aspek berhubung kemanusiaan.

>> Muka 9



Berita Utama



DOA Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DPMM

Muka 10



MENINGKATKAN kesejahteraan melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap

Muka 16



BEDB, DARE iktiraf pencapaian cemerlang perniagaan tempatan

Muka 18



RENCANA

MENDIDIK permata hati menuju kecemerlangan

Muka 30

Berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Malaysia



Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad

bin Haji Hasan, yang mengadakan lawatan pengenalan ke negara ini. Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Darussalam dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri Malaysia menyentuh mengenai persahabatan dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia yang berkekalan dan terus makmur



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, yang mengadakan lawatan pengenalan ke negara ini (atas kiri dan atas).

selama ini, di mana tahun 2024 menandakan sudah empat dekad tertubuhnya hubungan diplomatik. Kedua-dua pihak juga menegaskan kembali komitmen masing-masing bagi mengukuhkan kerjasama sedia ada dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, pertahanan, pelancongan, kebudayaan, sukan

dan kesihatan, di samping untuk meneroka lagi perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama bagi kedua-dua buah negara berkenaan.

Menyertai Yang Berhormat semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin

Raja Zaib Shah.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato' Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

WAKTU SEMBAHYANG										
Februari MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	SABTU	7	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	AHAD	8	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	ISNIN	9	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	SELASA	10	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
21	RABU	11	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	KHAMIS	12	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	JUMAAT	13	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar			
33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	
Pekan Tutong			
33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	
Kuala Belait			
33 26 °C	33 26 °C	33 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 17 FEBRUARI 2024

Sentiasa berwaspada ketika cuaca panas

SEJAK beberapa hari kebelakangan, negara telah mengalami keadaan cuaca yang agak panas pada waktu siang. Oleh yang demikian, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa mengambil langkah-langkah penjagaan dan perlindungan diri daripada kesan akibat cuaca panas yang boleh menjejaskan kesihatan.

Orang ramai juga diingatkan agar elakkan daripada melakukan pembakaran secara terbuka bagi tujuan membersihkan kawasan perumahan atau bertujuan untuk bercucuk tanam dan sebagainya selain membantu memadam kebakaran hutan atau rumput yang kecil tanpa membahayakan diri sendiri.

Antara kemungkinan punca-punca yang menyebabkan kebakaran rumput serta hutan adalah dari aktiviti pembakaran terbuka bagi tujuan pertanian, riadah (berkhemah), memancing dan sebagainya atau 'parunan' yang ditinggalkan tanpa pengawasan.

Dalam pada itu, turut ditekankan kepada semua warga masyarakat khususnya penduduk di negara ini agar sentiasa peka serta menitikberatkan aspek keselamatan di kediaman agar sentiasa berhati-hati dan mengambil berat mengenai aspek keselamatan pencegahan kebakaran pada keseluruhannya; tidak lalai dan cuai dalam penggunaan peralatan elektrik serta sentiasa diselenggara dengan mengikut piawaian yang betul; mematikan suis peralatan elektrik jika tidak digunakan; tidak meninggalkan masakan; serta memastikan untuk menggunakan komponen peralatan memasak seperti hos dan kepala gas yang disyorkan oleh pihak Brunei Shell Marketing serta pastikan penyambungan hos tidak longgar.

Kepada pemandu-pemandu yang menggunakan jalan atau melintasi sebarang jalan raya berdekatan dengan kebakaran adalah dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati kerana asap dari kebakaran akan menyebabkan keadaan berjerebu yang pastinya akan menghalang penglihatan yang berkemungkinan akan menyebabkan kemalangan.

Jika berlaku sebarang insiden, hubungi terus Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Oleh itu, bagi mengelakkan dan mengurangkan kesan terhadap kesihatan akibat cuaca panas berkenaan, orang ramai perlu mengambil langkah-langkah seperti menangguhkan atau meniadakan aktiviti lasak seperti berbasikal, maraton atau lain-lain aktiviti; jika tidak dapat dielakkan, pakailah topi atau payung yang boleh melindungi diri daripada terlalu terdedah dengan cuaca panas; gunakan pelindung matahari (*sunblock*) yang bersesuaian; dan banyakkann meminum air bagi mengelakkan daripada dehidrasi semasa cuaca panas.

Orang ramai hendaklah sentiasa mengambil sebarang langkah berjaga-jaga dan keselamatan serta mematuhi mana-mana garis panduan daripada Kementerian Kesihatan berhubung dengan keadaan cuaca panas.

Pihak Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam juga akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat serta amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit Brunei WX, kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

ترتيبکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچينق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكرا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE UPACARA PERASMIAN PERKHIDMATAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perasmian Perkhidmatan bagi dua daripada empat buah Pesawat C295MW baharu bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) (kanan). Sementara gambar atas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri daripada anggota TUDB.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang

>> Muka 1

Perasmian perkhidmatan dua buah Pesawat C295MW ini adalah berikutan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) ke Upacara Ketibaan Pesawat tersebut di Pangkalan Tentera Udara Rimba pada 24 Januari yang lalu.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Upacara Perasmian Perkhidmatan tersebut ialah paduka anakanda baginda,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan (atas). Manakala gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah Perasmian Perkhidmatan Pesawat-pesawat C295MW.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani plak sebagai tanda perasmian perkhidmatan pesawat-pesawat tersebut (atas).

BACAAN selawat dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pengarah Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim (kiri). Sementara gambar kiri sekali, antara yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan.



KEBAWAH DYMM dijunjung melihat secara dekat kedua-dua Pesawat C295MW, yang diberi designasi 'TUDB 502' dan 'TUDB 503' (atas, atas kanan dan kanan).

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan

II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad

Haszaimi bin Bol Hassan dan Pemerintah TUDB, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir semasa Upacara Perasmian Perkhidmatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Angkatan Bersama ABDB,

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pegawai-pegawai kanan ABDB dan delegasi daripada Syarikat

Airbus Defence and Space yang diketuai oleh Head of Sales Air Power, Oscar Alonso.

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah dan sembah kenal anggota-anggota team projek yang terlibat dalam pengurusan projek perolehan pesawat yang terdiri daripada juruterbang dan kru-kru pesawat serta jurutera-jurutera TUDB (atas, kanan dan bawah kiri).



SEKITAR Upacara Perasmian Perkhidmatan bagi dua daripada empat buah Pesawat C295MW baharu bagi Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) di Pangkalan Tentera Udara Rimba (atas dan kanan).





KEBAWAH DYMM bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dijunjung bagi sesi bergambar kenangan (atas). Sementara gambar bawah kanan, baginda berkenan menerima pesambah.

>> Muka 4

Upacara berkenaan bermula dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung ke apron Hangar B, untuk menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa Kawalan Kehormatan yang terdiri

daripada 103 anggota TUDB dan Pancaragam ABDB yang diketuai oleh Ketua Kawalan Kehormatan, Mejar (U) Muhammad Izdir bin Haji Imran.

Kebawah DYMM kemudian berkenan mengurniakan titah

Perasmian Perkhidmatan Pesawat-pesawat C295MW. Ini diikuti dengan bacaan selawat dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pengarah Jabatan Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim.

Sejurus itu, Kebawah DYMM perkhidmatan pesawat-pesawat berkenan menandatangani plak sebagai tanda perasmian

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM berkenan mendengarkan sembah taklimat ringkas mengenai penerbangan dan keselamatan oleh Pegawai Memerintah Skuadron 15, Mejar (U) Mohammad Adieb bin Abdul Rahman sebelum baginda berkenan menaiki dan menerbangkan Pesawat C295MW TUDB 502 (kanan). Sementara gambar atas, bawah kiri dan bawah kanan, baginda berkenan menaiki dan menerbangkan Pesawat C295MW TUDB 502.





KEBAWAH DYMM ketika berkenan menaiki dan menerbangkan Pesawat C295MW TUDB 502 dan setelah mendarat, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi Majlis Santap Tengah Hari (atas dan kanan).



>> Muka 5

Kebawah DYMM kemudian dijunjung melihat secara dekat kedua-dua Pesawat C295MW, yang diberi designasi 'TUDB 502' dan 'TUDB 503', dan diikuti dengan sesi junjung ziarah dan sembah kenal anggota-anggota team projek yang terlibat dalam pengurusan projek perolehan pesawat yang terdiri daripada juruterbang dan kru-kru pesawat serta jurutera-jurutera TUDB. Baginda seterusnya dijunjung bagi

sesi bergambar kenangan dan menerima pesambah sebelum dijunjung berangkat ke Pusat Pergerakan Udara.

Sebaik sahaja tiba di Pusat Pergerakan Udara, baginda berkenan mendengarkan sembah taklimat ringkas mengenai penerbangan dan keselamatan oleh Pegawai Memerintah Skuadron 15, Mejar (U) Mohammad Adieb bin Abdul Rahman sebelum baginda berkenan menaiki dan

menerbangkan Pesawat C295MW TUDB 502.

Setelah mendarat, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi Majlis Santap Tengah Hari. Sebelum berangkat meninggalkan Pangkalan Tentera Udara Rimba, baginda dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan. Upacara Perasmian

Perkhidmatan Pesawat-pesawat C295MW ini diadakan bagi merasmikan keupayaan pesawat angkut TUDB yang tiba pada 24 Januari 2024.

Juruterbang dan kru-kru pesawat akan memulakan latihan di rantau Asia Tenggara sebagai persediaan sebelum ditugaskan dalam pelbagai misi strategik dan taktikal pada peringkat serantau dan antarabangsa termasuk menjalankan Operasi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam (HADR), Medical Evacuations (MEDEVAC), Aeromedical Evacuations (AE) serta Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR).

Pesawat-pesawat berkenaan juga berupaya untuk melaksanakan pelbagai peranan seperti Pengangkutan Anggota dan Kargo, Pengangkutan VIP, Freefall, Airborne Static Jumps dan Cargo Drop.

Perolehan dan seterusnya perkhidmatan Pesawat-pesawat C295MW di TUDB merupakan satu lembaran sejarah penting bagi perkembangan TUDB khususnya dan ABDB amnya, dalam usaha memperkasa keupayaan TUDB untuk melaksanakan misinya terhadap keperluan penting di dalam negara, serantau dan antarabangsa.



KEBAWAH DYMM berangkat bagi Majlis Santap Tengah Hari (atas). Sementara gambar kanan dan bawah kiri, Kebawah DYMM berkenan bergambar ramai dan beramah mesra bersama yang hadir. Manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.



DPMK BERKENAN MENERIMA MENGADAP



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap General Officer Commanding 1st (United Kingdom) Division, British Army, Mejar Jeneral Thomas Julian Bateman yang berlangsung di Qashr Al-Meezan (atas dan kanan).



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap General Officer Commanding 1st

(United Kingdom) Division, British Army, Mejar Jeneral Thomas Julian Bateman yang berlangsung di Qashr Al-Meezan, hari ini. Menyertai Mejar Jeneral Thomas Julian Bateman pada Majlis Mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Virgoe dan Pemerintah Angkatan Tentera British di Negara Brunei

Darussalam (BFB), Leftenan Kolonel Hugo Stanford-Tuck. Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan. Semasa Majlis Mengadap berkenaan, Mejar Jeneral Thomas Julian Bateman turut menyampaikan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Muda Haji Al-Muhtadee Billah atas keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ke Royal Gurkha Rifles ke Tucker Lines, Seria dan Eksesais Sunda Patrol di Kawasan Latihan 'B', Hutan Simpan Andulau, Sungai Liang, Kuala Belait pada tahun lepas. Keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia tersebut mencerminkan kemesraan hubungan diplomatik dan pertahanan yang telah lama terjalin di antara Negara Brunei

Darussalam dan United Kingdom. Kedua-dua buah negara telah menjalin kerjasama pertahanan dua hala melalui Pertukaran Nota sejak September 1983 dan hubungan ini dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi melalui pelbagai Memorandum Persefahaman yang telah termeterai di antara kedua-dua belah pihak. Mejar Jeneral Thomas Julian Bateman berada di Negara Brunei Darussalam dari 14 Februari hingga 15 Februari 2024 bagi Lawatan Kerja.

Ke arah meningkatkan pembangunan sosioekonomi, kesejahteraan rakyat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan mengurniakan sabda pada Mesyuarat Jemaah Tadbir YSHHB Kali Ke-1 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Bilik At-Taqwa, Kompleks Bangunan YSHHB, Dewan An-Naura.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bersabda menzahirkan hasrat bagi yaysan berkenaan akan terus proaktif, kreatif dan adaptif dalam merencanakan dan melaksanakan projek serta program baharu yang lebih memberikan impak yang

positif terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat ke arah mencapai matlamat bagi memperkasa 'Masyarakat Mandiri'. Dalam sabdanya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik melahirkan rasa gembira mengetahui yaysan tersebut sedang giat melaksanakan Pelan Strategik YSHHB 2020 - 2025. "Ke arah itu, saya ingin mendapatkan penerangan lanjut mengenai pencapaian, hasil dan perkembangan terkini mengenai

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

pelaksanaan Pelan Strategik berkenaan, sesuai dengan sifatnya sebagai *living document*, yang perlu sentiasa direview bagi memastikan ianya tetap relevan dengan perkembangan dan keadaan semasa," sabda Duli Yang Teramat Mulia. DYT bersabda demikian pada Mesyuarat Jemaah Tadbir YSHHB Kali Ke-1 bagi Tahun 2024 yang berlangsung di Bilik At-Taqwa, Kompleks Bangunan YSHHB, Dewan An-Naura, di ibu negara. "Di kesempatan ini, saya juga ingin mengetahui mengenai status perkembangan beberapa projek utama Yayasan Paduka Ayahanda yang telah dibincangkan dalam mesyuarat terdahulu. "Pertama, mengenai Kompleks Yayasan Paduka Ayahanda yang dikendalikan pengurusan di bawah Syarikat Wadah Amal Sendirian Berhad. "Saya difahamkan masih terdapat banyak ruang-ruang komersil yang kosong. Oleh itu, apakah usaha dan strategi pemasaran yang akan diambil dalam mengisi ruang-ruang kosong berkenaan?" soal Duli Yang Teramat Mulia dalam sabdanya. Mengenai Kampung Bolkiah pula, DYT bersabda difahamkan bahawa kerja-kerja pembaikan rumah telah dapat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan.

Selain dari itu, DYT bersabda mempersoalkan mengenai langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan untuk membantu para penduduk kampung berusaha ke arah menjana aktiviti perekonomian, di samping meningkatkan *sense of belonging* dalam sama-sama menjaga keharmonian dan keselamatan kampung berkenaan. "Ketiga, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Paduka Ayahanda. Galeri berkenaan nampaknya mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan mencatatkan ramai pengunjung. "Saya ingin mengetahui apakah perancangan jangka sederhana dan panjang bagi meningkatkan penglibatan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam berkenaan di arena serantau dan antarabangsa, khususnya dalam melahirkan tenaga Pusat yang berkemahiran dan berwibawa dalam bidang kesenian dan kaligrafi Islam," jelas DYT dalam sabdanya. Terdahulu, DYT bersabda merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya Ahli-ahli Jemaah Tadbir dapat hadir di Mesyuarat Jemaah Tadbir YSHHB Kali Pertama bagi Tahun 2024 pada pagi ini setelah lebih tiga tahun tertangguh disebabkan penularan Wabak COVID-19. DYT turut bersabda menyampaikan ucapan tahniah atas lantikan baharu Ahli-ahli

Jemaah Tadbir yang bermula pada 13 Mac 2023. "Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli yang tempoh lantikan telah berakhir, atas khidmat bakti mereka dalam menyumbangkan buah fikiran dan idea-idea yang bermanfaat dan berguna demi kepentingan Yayasan Paduka Ayahanda. "Yayasan Paduka Ayahanda ini telah mencapai usia tiga dekad dan telah pun menempuhi beberapa fasa peningkatan dan perkembangan ke arah meningkatkan dan merangsang pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, selaras dengan dasar dan matlamat asal penubuhannya," sabda DYT. Bagi mengakhiri sabda, DYT mengajak para hadirin untuk sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Paduka Ayahanda bagi yang dikasihi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan berkat amal kebajikan jariah baginda melalui Yayasan baginda berkenaan, akan terus dilanjutkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dan berada dalam perlindungan-Nya serta mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

BERKENAN Pengerusikan Mesyuarat Jemaah Tadbir YSHHB



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Tadbir Kali Ke-1 bagi Tahun 2024 di Bilik At-Taqwa, Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Mesyuarat Jemaah Tadbir Kali Ke-1 bagi Tahun 2024 di Bilik At-Taqwa, Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara.

Berangkat mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik mencerminkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap usaha dan rancangan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan

masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Keberangkatan DYTM dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar selaku Timbalan Pengerusi I; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned selaku Timbalan Pengerusi II; serta Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB antara lain menyebarkan mengenai perkembangan Kompleks yayasan berkenaan, yang kini menempatkan Hua Ho Department Store serta Dewan An-Naura, yang sedikit sebanyak telah dapat menarik semula kunjungan orang ramai untuk berkunjung ke Kompleks YSHHB.

Selain itu, sembah Yang Berhormat, pihak Pengurusan Wadah Amal Sendirian Berhad iaitu anak syarikat YSHHB juga telah mengusahakan satu lagi tarikan Yayasan Food Street, yang telah berjaya menghidupkan kembali suasana malam di ibu negara dan memberi manfaat kepada para pengusaha kecil tempatan.

"Setentunya menjelang bulan Ramadan Mubarak ini, tempat ini akan terus menjadi tempat tumpuan bagi jualan juadah-juadah berbuka puasa," jelas Yang Berhormat.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat turut

menerangkan mengenai usaha untuk menambah baik urus tadbir dan pengurusan Syarikat Wadah Amal Sendirian Berhad dengan harapan agar syarikat berkenaan akan beroperasi dengan lebih cekap sebagai sebuah entiti korporat di bawah YSHHB bagi memastikan Kompleks Bangunan YSHHB mencapai objektifnya sebagai sebuah aset pelaburan yang dapat menghasilkan pendapatan atau pulangan yang positif dan dapat digunakan bagi meningkatkan pengendalian program-program yayasan berkenaan secara berterusan dan mapan selaras dengan dasar penubuhannya sebagai sebuah wadah amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan mengenai masalah kerosakan bagi rumah-rumah di Kampung Bolkiah yang telah dibincangkan secara mendalam dalam beberapa siri Mesyuarat Lembaga Pengarah sebelumnya.

Yang Berhormat menyebarkan bahawa rumah-rumah berkenaan telah diserahkan secara jual beli dan adalah hak milik pemilik-pemilik rumah berkenaan. "Tanggungjawab bagi menjaga dan memelihara rumah berkenaan sepatutnya terletak kepada pemilik-pemilik berkenaan dan bukannya sebagai tanggungjawab berterusan oleh Yayasan Paduka Ayahanda Duli Tuanku.

"Dalam hal ini, pada Mesyuarat Lembaga yang mutakhir ini, Lembaga Pengarah Yayasan Paduka Ayahanda Duli Tuanku telah membincangkan dan seterusnya bersetuju bahawa tanggungjawab bagi menjaga dan memelihara rumah berkenaan adalah terletak kepada pemilik-pemilik berkenaan.

"Walaupun bagaimanapun, sebarang permohonan untuk pembaikan hanya akan dipertimbangkan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan permohonan bantuan di bawah Garis Pandu Sumbangan dan Bantuan Yayasan Paduka Ayahanda Duli Tuanku, dan kerja-kerja pembaikan berkenaan adalah terhad kepada memastikan rumah-rumah berkenaan adalah selamat untuk didiami sahaja," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat kemudian menyebarkan mengenai Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB yang telah mendapat tempat sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan di negara ini, bukan sahaja daripada

para pelancong awam dari dalam dan luar negara, malahan tetamu-tetamu VIP yang dalam rangka lawatan ke negara ini.

"Sebagai perancangan ke hadapan, pihak Pengurusan Yayasan Paduka Ayahanda Duli Tuanku dalam usaha untuk memanfaatkan Memorandum-Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani, khususnya dengan O.I.C. Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA), Republik Turkiye dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bagi penganjuran sebuah simposium bertaraf antarabangsa, iaitu Simposium Kaligrafi Antarabangsa 2024.

"Tertakluk jua kepada perkenan Paduka Ayahanda Duli Tuanku terhadap penganjurannya ini nanti, Simposium Kaligrafi Antarabangsa 2024 awal dirancang untuk diadakan bersempena dengan Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) pada bulan Jun 2024 kini lebih bersesuaian diadakan pada bulan Oktober bersempena Hari Ulang Tahun Penubuhan Yayasan Paduka Ayahanda Duli Tuanku dan akan diisikan dengan forum, bengkel, pertandingan dan pameran," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyebarkan mengenai perkembangan projek pembinaan Masjid Jubli Emas, dengan penubuhan jawatankuasa ad-hoc bagi memikirkan semula cadangan pembinaan Masjid Jubli Emas yang diterajui oleh pihak Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Jawatankuasa berkenaan antara lain telah membincangkan mengenai cadangan pembinaan Masjid Jubli Emas yang bersesuaian dengan signifikan nama dan peristiwa 'Jubli Emas' berkenaan khususnya dari segi reka dan kos pembinaannya.

"Cadangan untuk membina Masjid berkenaan di Daerah Temburong masih tidak berubah," sembah Yang Berhormat.

Antara agenda yang dibincangkan pada mesyuarat berkenaan adalah Laporan Tahunan Kewangan 2023 dan Laporan Kemajuan Audit Dalaman YSHHB; Laporan Sumbangan dan Bantuan bagi Tahun 2023 dan seterusnya Perancangan YSHHB bagi tahun 2024; dan Laporan Perkembangan Projek Khas iaitu Pengurusan Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Bulan Ramadan 1445/2024; Perkembangan Kompleks YSHHB, Perkembangan Perumahan Kampung Bolkiah dan Perkembangan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB.

Menurut Akta YSHHB (Penggal 166), Jemaah Tadbir bertanggungjawab bagi mengawasi pentadbiran yayasan tersebut dan memastikan perjalanan serta pelaksanaan YSHHB menepati dasar dan tujuan penubuhannya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar ramai pada mesyuarat tersebut (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB semasa menyampaikan sembah alu-aluan.



PERASMIAN KUMPULAN SUKARELAWAN KEMANUSIAAN PERBADANAN TAIB



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB semasa merasmikan penubuhan Kumpulan Sukarelawan Kemanusiaan Perbadanan TAIB (atas). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat semasa menyampaikan sijil keahlian kepada ahli sukarelawan serta Sijil Pertolongan Cemas BRC dan sijil penghargaan kepada penerima.

>> Muka 1

Sehubungan itu, majlis perasmiannya berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas hari ini dan disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang

juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Kumpulan Sukarelawan Perbadanan TAIB, terdiri daripada 91 ahli yang berdedikasi, membuktikan komitmen Perbadanan TAIB terhadap tanggungjawab sosial dan kebajikan masyarakat.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga memuji Perbadanan TAIB atas inisiatif proaktif dalam mewujudkan kumpulan sukarelawan khusus

untuk menyumbang kepada pelbagai aktiviti kemanusiaan. Acara juga diteruskan dengan tayangan video yang mempamerkan penglibatan kumpulan sukarelawan dengan BRC.

Yang Berhormat seterusnya menyampaikan sijil keahlian kepada ahli sukarelawan serta Sijil Pertolongan Cemas BRC dan sijil penghargaan dan kemudiannya diikuti dengan sesi bergambar ramai. Melalui kerjasama dengan BRC, kumpulan tersebut

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



memastikan bahawa kegiatannya diselenggarakan dengan baik, memberi kesan, dan mencapai kepada yang memerlukan.

Turut hadir, Ahli-ahli Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB, Ahli

Lembaga Pengarah, Ahli Majlis Kebangsaan BRC, Lembaga Gabenor dan Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan dan pegawai kanan Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB.

Sambutan Israk, Mikraj terus disemarakkan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Khamis, 15 Februari. - Ibadah sembahyang bukanlah satu perkara yang hanya dipandang ringan bahkan ia adalah satu tuntutan tiang ugama dan merupakan ibadah yang sangat besar kedudukannya dalam Islam. Sembahyang adalah perkara awal yang difardukan ke atas umat Islam daripada segala ibadah dan perkara pertama yang dihisab ke atas hamba di akhirat kelak.

Ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan jin dan manusia untuk menyembah-Nya. Oleh itu, keistimewaan sembahyang adalah sebagai penghubung manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan mendekatkan dengan rahmat-Nya.

Perkara tersebut antara inti pati yang disampaikan dalam Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Tiang Ugama' oleh Dekan / Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Muluk pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun

1445 Hijrah, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen hari ini.

Menurut Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi lagi, kewajipan sembahyang itu tidak ada kelonggaran. Apa pun yang kita mahu lakukan, hendaklah tetap menunaikan sembahyang. "Bayangkan, andai hubungan kita dengan Allah sudah terjaga sebaiknya, apa lagi yang kita mahukan di dunia ini, pastinya semua akan Allah bagi.

"Selagi mana kitani menjaga sembahyang kitani, insyaaAllah perkara-perkara yang tidak kita ingini pasti akan dapat kitani atasi dan kuncinya adalah dengan sembahyang," ujarnya menambah.

Beliau turut menjelaskan, kelebihan orang yang menjaga sembahyang adalah ia akan dicintai Allah Subhanahu Wata'ala dan akan dijaga oleh malaikat, badan selalu sihat, diberikan keberkatan pada rumahnyanya dan pada wajahnya menunjukkan tanda orang soleh serta mereka akan sentiasa dilindungi dan dikurniakan rezeki yang berterusan.

Jelas Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi, orang yang menjaga sembahyang pada awal waktu akan diangkat kesusahan dalam kehidupannya, diangkat seksa kuburnya dan surat catatan amalannya diserahkan kepadanya dengan tangan kanan. Kelebihan mereka yang sembahyang pada awal waktu juga ialah mereka akan melalui Sirat Mustaqim secepat kilat dan masuk ke dalam Syurga tanpa hisab.

Beliau turut menjelaskan, sembahyang adalah sebagai menunjukkan rasa syukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada ada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445 Hijrah.

yang telah memberikan pelbagai nikmat kepada hamba-Nya.

"Setiap hari kita akan buat dosa, sebab itu iman kita boleh jadi kuat, boleh jadi lemah, maka sembahyang itulah yang akan menjadikan iman kita kembali segar dan kuat. Apa pun masalah dalam kehidupan kita ini, laksanakanlah sembahyang," terangnya.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis berkenaan ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Juga hadir sama, Timbalan-timbalan Menteri di JPM, jemputan-jemputan khas dan ketua-ketua jabatan di bawah JPM.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran. Sejurus penyampaian Ceramah Khas, majlis diserikan lagi

dengan bacaan Selawat Taffriyyah beramai-ramai yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid.

Acara sambutan kali ini dikendalikan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei, Sekretariat

Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BCCS) dan Jabatan Penerangan, JPM.



CERAMAH Khas bertajuk 'Sembahyang Tiang Ugama' disampaikan oleh Dekan / Pensyarah KUPU SB, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Muluk (kiri). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.



DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PUJA USIA DPMM

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TUNGKU, Jumaat, 16 Februari.
- Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB), menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah adalah juga merupakan Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA dan Pro Canselor UTB.

UBD, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah adalah juga merupakan Pro Canselor UBD, Pro Canselor UNISSA dan Pro Canselor UTB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin;

YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Yang Ke-50 tahun, berlangsung di Masjid Universiti, UBD (atas kiri). Sementara gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Profesor Dr. Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman serta para pegawai

kanan, pensyarah-pensyarah, kakitangan dan mahasiswa-mahasiswi daripada ketiga-tiga universiti berkenaan.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Abdul Muhaimin bin Dr. Haji Serbini.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Bilal Tingkat II, Masjid Kampung Mata-mata, Awang Muhammad Syazwan Ghassani bin Mohd. Sahron dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Kementerian Pertahanan anjur majlis kesyukuran Puja Usia



PEMERINTAH ABDB semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun yang diselenggarakan oleh Kementerian Pertahanan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Jumaat, 16 Februari.
- Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun telah diselenggarakan oleh Kementerian Pertahanan.

Majlis tersebut diadakan secara serentak di seluruh surau di Kementerian Pertahanan

dan perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) termasuk Masjid Pulau Baru-Baru dengan tumpuan utama di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Atur cara dimulakan dengan

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-50 Tahun yang diketuai oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim,

TLDB.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau Ad-Difa', Awang Muhammad Habib 'Azizi bin Muhammad Ghazali.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, serta seluruh peringkat kepimpinan dan warga daripada Kementerian Pertahanan.



سوروهنجاي قرحمتمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.REGISTRATION.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri*

Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**termasuk Luar Bidang Kuasa SPA*

Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

**termasuk Luar Bidang Kuasa SPA*

Bab 38(C)

Peraturan 38(C): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

**termasuk Luar Bidang Kuasa SPA*

BENDERA BESAR BERKIBAR MEGAH DI IBU NEGARA



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

>> Muka 1

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan NBD oleh Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Pembawa Bendera Benteng yang terdiri dari pasukan Kadet Tentera, Kadet Polis, Kadet Bomba dan Penyelamat serta Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bergerak masuk bagi penyerahan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024 hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara yang menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 (atas kiri dan atas).

dan penerimaan Bendera Besar NBD daripada tetamu kehormat majlis.

Penyempurnaan Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara diiringi dengan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir yang dianggotai oleh 40 penuntut dari Sekolah Seri Mulia Sarjana serta diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sekolah Seri Mulia Sarjana merupakan juara bertahan dalam pertandingan koir lagu-lagu patriotik peringkat sekolah menengah dan maktab-maktab senegara sejak Tahun 2019 dan Sekolah Seri Mulia Sarjana juga menjuarai pertandingan koir lagu kanak-kanak

peringkat sekolah rendah senegara pada Tahun 2023.

Majlis juga turut dimeriahkan dengan persembahan dua buah lagu patriotik, 'Ikrar Kemerdekaan' dan 'Berkibarlah Bendera' bersama kibaran bendera kecil oleh seramai 100 penuntut dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok.

Di akhir upacara, majlis menyaksikan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 kepada Pemangku-

pemangku Pegawai Daerah bagi keempat-empat daerah.

Dengan berkibarnya bendera besar negara, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari ini sehingga Ahad, 15 Syaaban 1445 bersamaan 25 Februari 2024.

Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula hendaklah mengibarkan bendera NBD.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah mengikut peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya dan tidak koyak.



SEKITAR Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara yang berlangsung di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di ibu negara (kiri, kiri sekali dan bawah kiri).



جابتن فرانتڤن اېكونومي دان سٽاتيسٽيڪ
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN REALISASI PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store | Get it on Google play

...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



PENYERAHAN Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas, Awang Haji E'rifin bin Haji Mohd Yusof.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bertempat di kawasan Letak Kereta JDBM, yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan NBD.

Seterusnya, majlis disusuli dengan Pengagihan Bendera-Bendera dan penyampaian sijil penghargaan yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada penghulu-penghulu, persatuan-persatuan, pihak-pihak swasta dan NGO yang diadakan di Dewan Teater, JDBM.

Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung DBM, wakil Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Jabatan Ko-Kurikulum, Pasukan Pancaragam Bomba dan Penyelamat, Universiti-universiti Brunei, Persatuan-persatuan, Ketua Pegawai

UPACARA Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan NBD (kiri dan kanan).

Daerah Brunei dan Muara

Datastream Digital (DST), Pegawai Eksekutif Progresif Cellular Sendirian Berhad, Royal Brunei Airlines, Imagine Sendiri Berhad, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei, Dewan Perniagaan India,

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Pasukan Koir Syababul Bahir, Media Massa serta pegawai-pegawai dan kakitangan JDBM.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 16 Februari. - Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-40 Tahun bermula dengan Upacara Menaikkan Bendera Besar di ibu negara, disusuli dengan Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam di keempat-empat daerah hari ini.

Di Daerah Brunei dan Muara (DBM), Majlis Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam telah berlangsung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), yang dihadiri oleh Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Majlis dimulakan dengan



Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



TUTONG, Jumaat, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Kali Ke-40 Tahun 2024 bagi Daerah Tutong diadakan pagi tadi bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Terlebih dahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah

Al-Fatihah dan Doa oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Acara kemudian diteruskan dengan rombongan pembawa bendera negara yang diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad yang seterusnya menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri selaku tetamu kehormat menyerahkan bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara Menaikkan Bendera (atas dan atas kiri).

Polis Diraja Brunei (PPDB).

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada para penuntut Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Tanjong Maya,

Sekolah Menengah Sayyidina 'Othman dan Mahad Islam Brunei.

Majlis juga disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan para penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu

Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

...Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BELAIT, Jumaat, 16 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40 Tahun bagi Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait (KB). Hadir menyaksikan upacara berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad. Majlis dimulakan dengan

PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad semasa menyerahkan bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan KB untuk dikibarkan.

kehadiran pembawa bendera NBD yang disambut oleh penuntut yang memegang bendera terdiri daripada pasukan kadet dan pengakap dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Belait, Sekolah Menengah Perdana Wazir, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Maktab Anthony Abel dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Sebaik sahaja pembawa bendera tiba, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Akup bin Haji Lamat.

Pemangku Pegawai Daerah Belait seterusnya menyerahkan

Daerah Belait

bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan KB untuk dikibarkan.

Upacara Menaikkan Bendera NBD diiringi dengan lagu 'Allah Peliharakan Sultan'. Selepas bendera dikibarkan, acara diteruskan dengan persembahan lagu 'Bendera Negara' dan 'Berkibarlah Bendera' daripada kumpulan koir dari PTE Belait.

Selesai sahaja persembahan, Pemangku Pegawai Daerah Belait menyerahkan bendera-bendera NBD kepada Penghulu-Penghulu dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim di Daerah Belait serta wakil daripada persatuan-persatuan untuk dikibarkan.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara

individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Hari Kebangsaan NBD ialah mengibarkan bendera kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing, iaitu sebagai simbol patriotik kepada negara dan taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menuruskannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, pihak-pihak swasta serta ahli-ahli persatuan.



SEKITAR Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40 Tahun bagi Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, KB (atas dan kanan).



Daerah Temburong

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TEMBURONG, Jumaat, 16 Februari. - Kemeriahian Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 turut dirasakan oleh para penduduk di Daerah Temburong dengan berlangsungnya Upacara Menaikkan Bendera NBD di kawasan Dermaga, Pekan Bangar berhadapan dengan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah

Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed.

Upacara Menaikkan Bendera NBD bagi Daerah Temburong dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Labu Estate, Awang Haji Mohammad Sallehuddin bin Haji Suhaimi.

Diikuti dengan Pemangku Pegawai Daerah Temburong menyerahkan bendera NBD kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera NBD dengan diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' yang diketuai

oleh kumpulan koir, seterusnya nyanyian lagu patriotik 'Bendera Negara' dan 'Brunei Bumi Bertuah'.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyerahan bendera NBD kepada Pemangku Penghulu-penghulu Mukim dan ketua-ketua cawangan.

Bermula 16 Februari 2024, berkibarlah bendera NBD di seluruh negara.

Bagi Pengiran-pengiran dan Orang Yang Bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka di rumah kediaman masing-masing, manakala bagi orang ramai, bangunan-bangunan kerajaan dan premis-premis perniagaan

hendaklah mengibarkan bendera NBD di tempat masing-masing bermula pada hari ini sehingga 25 Februari 2024.

Turut hadir pada upacara berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah selaku Pengerusi Majlis, ketua - ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Temburong, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Pemangku Ketua-ketua Kampung, para jemputan khas, persatuan-persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed menyerahkan bendera NBD kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera NBD di kawasan Dermaga, Pekan Bangar berhadapan dengan Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar (atas dan kanan).



...Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan bendera kepada penerima.

utama bagi Daerah Temburong berlangsung di Sekolah Rendah Rataie, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan para pelajar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024.

Lebih kurang 1,500 bendera kecil meja telah diagihkan kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang akan terlibat dalam Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat 1, Masjid Kampung Selangan, Awang Mahdi bin Kamis.

Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Rataie, Dayang Rohayati binti Haji Abd. Kadir yang antara

lain menggariskan majlis seumpamanya dapat menanamkan nilai-nilai patriotik dan semangat kenegaraan dalam kalangan para pelajar.

Selain itu tambahnya, peranan bendera merupakan lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, ia juga menjadi lambang kesepakatan dan perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Pengibaran bendera mampu memberikan kesedaran, menanamkan semangat kenegaraan, patriotisme dan nasionalisme serta mengongsikan kefahaman yang lebih mengenai nilai dan harga bendera sebagai identiti dan maruah bagi sesebuah negara kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Majlis kemudian diserikan

Daerah Temburong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Alisahrin Haji Mumin

dengan persembahan koir dengan lagu bertajuk 'Berkibarlah Bendera' oleh para pelajar Tahun 5 Sekolah Rendah Rataie.

Acara diakhiri dengan penyampaian bendera oleh tetamu kehormat kepada wakil-wakil guru, kakitangan dan pelajar sekolah berkenaan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Julaihi bin Mohamed/Mohamad dan Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Awang Muhammad Ibrahim bin Haji Jumaat.

TEMBURONG, Khamis, 15 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil

Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, pusat tingkatan enam, sekolah Arab dan institusi pengajian tinggi bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 di keempat-empat daerah, hari ini. Sehubungan itu, tumpuan



PARA pelajar ketika mengibarkan bendera pada majlis tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, persembahan koir dengan lagu bertajuk 'Berkibarlah Bendera' oleh para pelajar Tahun 5 Sekolah Rendah Rataie.



Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) semasa hadir dan seterusnya menyampaikan bendera kecil kepada penerima (kanan dan kiri).

TUNGKU LINK, Khamis, 15 Februari. - Bendera bukan sekadar lambang kebanggaan kita kepada negara tetapi ia juga melambangkan semangat kesetiaan, kemerdekaan, dan patriotisme yang terus mengalir di dalam jiwa setiap rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dengan mengibarkan bendera, kita merayakan kejayaan kita sebagai sebuah negara yang maju dan aman. Kita juga mengenang jasa para pendiri negara yang

telah bersusah payah mewujudkan keadaan negara kita pada hari ini.

Pendaftar dan Setiausaha Universiti Teknologi Brunei (UTB), Awang Lim Chui Hua menyatakan demikian semasa menyampaikan alu-aluannya pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, pusat tingkatan enam, sekolah Arab dan institusi pengajian tinggi bersempena dengan Sambutan

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, hari ini.

"Sebagai bangsa yang bersyukur, mari kita terus bersama-sama dalam semangat kebersamaan untuk membawa negara kita ke arah kemajuan yang lebih gemilang di masa depan," katanya selaku Pengerusi Majlis yang berlangsung di UTB, di sini.

Selain tumpuan majlis di Daerah Temburong, acara serentak

diadakan di kesemua daerah termasuk UTB bagi Daerah Brunei dan Muara. Penyampaian bendera kecil di UTB disempurnakan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Sebanyak lebih kurang 1,500 bendera kecil meja telah diagihkan kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang akan terlibat dalam Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024.

Adapun acara diselenggarakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Penerangan. Majlis bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024.



...Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024...



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KUALA BELAIT, Khamis, 15 Februari. - Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera di Daerah Belait telah berlangsung di Dewan Kuliah 2, Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB) bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) Kementerian Pendidikan, Profesor Dr. Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.

Atur cara majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir yang terdiri daripada pelajar-pelajar PTEB, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengetua, Muhammad Shamry bin Haji Mohd. Sani.

Menurutnya, seramai 157 pelajar merangkumi Group Tutor Pra U2 Sc1 hingga Sc6 dan Kelas

Humanities H1 dan H2 akan menerima bendera kecil tersebut untuk diletakkan di atas meja mereka sebagai menyemarakkan Hari Kebangsaan dan menghargai bendera kita.

Pihak sekolah juga, tambahnya, juga aktif dalam acara Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, dengan menyertai Acara Perbarisan Lalu dan Persembahan Padang untuk pertama kalinya menggunakan identiti PTEB, di samping pasukan koir terlibat dalam Upacara Menaikkan Bendera Besar di Menara Cendera Kenangan, Kuala Belait pada 16 Februari.

Majlis diteruskan dengan Persembahan Koir Lagu Patriotik dan pengagihan bendera-bendera

kecil meja oleh tetamu kehormat kepada wakil-wakil pelajar yang hadir. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera kepada

Daerah Belait



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengagihkan bendera kecil meja kepada penerima (kiri dan atas).

pelajar-pelajar sekolah rendah, pusat tingkatan enam, sekolah Arab dan institusi pengajian tinggi bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-40 ini merupakan kelolaan Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal

Ugama dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis diadakan secara serentak di keempat-empat daerah dan lebih kurang 1,500 bendera kecil meja telah diagihkan kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang akan terlibat dalam Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.



Berita dan Foto : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 15 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Penerangan, Jabatan

Perdana Menteri mengadakan Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, pusat tingkatan enam, sekolah Arab dan institusi pengajian tinggi

PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU semasa menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja (kiri). Sementara gambar bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, hari ini.

Majlis bertujuan untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme khususnya dalam kalangan pelajar bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024.

Majlis juga diadakan secara serentak di keempat-empat daerah. Sebanyak lebih kurang 1,500 bendera kecil meja telah diagihkan kepada para peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar yang akan terlibat dalam Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.

Bagi Daerah Tutong, majlis diadakan di Dewan Serbaguna, Ma'had Islam Brunei, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan bendera kecil meja

Daerah Tutong

kepada pengetua-pengetua sekolah Arab, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan pelajar-pelajar ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim.

Majlis bermula dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan doa yang dipimpin oleh salah seorang guru di sekolah berkenaan, Awang Azizi@

Amaluddin bin Haji Mokim.

Seterusnya ucapan daripada Pemangku Pengetua, Dayang Hajah Sarimah binti Haji Ahmad. Sejurus itu, perarakan masuk pembawa bendera dan acara menaikkan bendera. Majlis diserikan dengan persembahan koir oleh murid perempuan sekolah berkenaan dan kemudiannya tayangan video klip pendek turut ditayangkan di mana menggunakan bahasa Arab.



MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN MELALUI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN YANG CEKAP

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa bergambar ramai bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah diadakan hari ini, bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Sesi Perjumpaan Muhibah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) telah diadakan hari ini, bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke Sesi Perjumpaan Muhibah tersebut, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha. Sementara rombongan Ahli-ahli MMN seramai 20 orang diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Bagi memberkati majlis, Sesi Perjumpaan Muhibah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Kampung Mentiri, Haji Mohd. Ali Taufiq bin Haji Abd. Rahman.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam ucapan alu-aluannya menyentuh mengenai status dan kemajuan di dalam pelaksanaan strategi dan perancangan MTIC



yang berlandaskan Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh di mana tumpuan asas MTIC adalah kekal ke arah, menjamin keselamatan sektor pengangkutan dan juga alam siber; meningkatkan kesejahteraan orang ramai melalui penyediaan perkhidmatan yang cekap, bersih serta memanfaatkan teknologi; dan pemudah cara bagi mendukung pembangunan negara yang mampan.

"Sebagai kesinambungan kepada siri Lawatan Kerja tersebut, Sesi Perjumpaan Muhibah hari ini juga akan membuka peluang yang berharga untuk sama-sama bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman bagi merancang langkah-langkah ke hadapan ke arah mencapai

cita kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Oleh itu, peramba / kaola / saya optimistik bahawa dengan sinergi dan semangat kerjasama erat dan mesra di antara Ahli-ahli Yang Berhormat MMN dan kementerian ini insyaaAllah kita akan dapat menduduki dan menghalusi setiap isu yang dibangkitkan dengan hasil yang mementingkan kebaikan bersama kerajaan, rakyat dan penduduk serta kemajuan negara secara amnya," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, MTIC akan memastikan perancangan dan strategi termasuk dasar dan inisiatif terus diteliti bersama pihak-pihak berkepentingan supaya ia kekal relevan dengan visi MTIC untuk menjadikan NBD sebagai Negara Pintar Terhubung 'Connected Smart Nation' seterusnya menyumbang kepada aspirasi-aspirasi dan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sejurus selepas itu, program berkenaan diikuti dengan ucapan balas daripada Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee selaku Ketua Rombongan Ahli-ahli MMN.

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN diberikan taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Nazri bin Haji Mohammad Yusof mengenai perkembangan dan hala tuju Pelan Strategik MTIC 2025 Refresh termasuk status Petunjuk-petunjuk Prestasi (KPI).

Hasil daripada semakan pertengahan penggal 'Mid-Term Review' ke atas Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 dan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2025' juga dikongsikan bersama perkembangan projek-projek di bawah Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Teknologi dan Sains (Council for Research and Advancement in Technology and Science - CREATES).

Selain itu, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga diberikan penerangan ringkas mengenai Fokus Utama 2024-2025 bagi jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawah kementerian berkenaan. Rombongan Ahli-ahli MMN juga berkesempatan melawat pameran mengenai empat perkara utama iaitu Carta Risiko terkini dengan perkara-perkara yang boleh mengancam keberkesanan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya, status pelaksanaan KPI, Projek-projek Rancangan

Kemajuan Negara (RKN) dan juga ristaan MTIC di sepanjang tahun 2023.

Perjumpaan Muhibah ini adalah forum perbincangan tahunan yang mana sesi kali ini juga merupakan kesinambungan kepada beberapa siri Lawatan Kerja yang diungkuhkan oleh Jabatan Kajicua Brunei Darussalam, Jabatan Pengangkutan Darat, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI) dan juga Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) serta Cyber Security Brunei (CSB) yang telah diadakan sebelum ini.

Seterusnya, berkesempatan untuk sama-sama bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman bagi merancang langkah-langkah ke hadapan ke arah mencapai cita kemajuan NBD.

Turut hadir dalam Sesi Perjumpaan Muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, ketua-ketua eksekutif pihak berkuasa, Pesuruhjaya Interim bagi CSB serta pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai di MTIC.



SEKITAR Sesi Perjumpaan Muhibah antara Ahli-ahli MMN bersama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) diadakan di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (atas, bawah dan kanan).



KSSUP semarakkan Sambutan Israk, Mikraj



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diisrakkan adalah kerana darjatnya yang begitu tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan dalam masa yang sama juga disebabkan Rasulullah mengalami tahun kesedihan iaitu kehilangan isterinya (Sayyidatina Khadijah) dan bapa saudaranya (Abu Talib) serta tidak diterima bila percubaan hijrah ke Kota Taif.

Demikian antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Kenapa Israk Mikraj' yang disampaikan oleh penceramah undangan yang juga selaku Pengasas Syarikat Sofwah, Awang Muhammad Waqiyuddin

Fakhri bin Haji Damit pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), hari ini.

Awang Muhammad Waqiyuddin Fakhri juga menekankan akan kepentingan sembahyang yang merupakan arahan secara langsung daripada Allah dan bukan melalui Al-Quran. Sembahyang adalah tiang agama dan juga amalan yang paling awal dihisab pada hari akhirat nanti.

Peristiwa Israk dan Mikraj adalah sesuatu perkara ghaib dan sebagai manusia harus beriman

YANG Berhormat Pemangku Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir pada pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

kepada perkara ghaib (Rukun Iman Ke-5). Sekiranya masuk syurga, hendaklah menjadi orang bertakwa. Justeru, orang bertakwa itu harus percaya perkara ghaib dan mendirikan sembahyang seperti yang diterangkan dalam Surah Al-Baqarah, ayat 3.

Peristiwa Israk dan Mikraj juga menceritakan dialog Nabi Muhammad dan Nabi Musa dalam meminta pengurangan jumlah sembahyang daripada 50 menjadi lima waktu sahaja. Daripada situasi ini menunjukkan bahawa Junjungan kita mendengar nasihat orang lain walaupun Baginda seorang yang berdarjat tinggi dan mulia di sisi Allah selain memiliki hati yang begitu lembut.

Hadir pada majlis yang diselenggarakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah Pemangku Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sambutan ini adalah kegiatan tahunan KSSUP dalam menyemarakkan dan memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara warga KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Peristiwa luar biasa yang tercatat dalam sejarah Islam iaitu pengembaraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam di Mekah ke Masjid Al-Aqsa di Palestin (Israk) dengan kesudahan dan kesukaran Baginda.

Kemudiannya Baginda ke langit bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala (Mikraj) dalam tempoh sebahagian malam sahaja, dalam peristiwa ini membuktikan akan kehebatan dan belas kasihan Allah Subhanahu Wata'ala dengan kurniaan mukjizat dan tanda kuasa Allah Subhanahu Wata'ala dalam menjadikan segala kewujudan daripada tiada kepada ada.



CERAMAH Khas bertajuk 'Kenapa Israk Mikraj' yang disampaikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah, Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.



PERISTIWA ISRAK, MIKRAJ MUKJIZAT AGUNG PERJALANAN RASULULLAH

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Rabu, 14 Februari. - Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu mukjizat agung perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang menunjukkan kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia menunjukkan tidak kira sehebat atau setinggi mana pun darjat manusia atau makhluk di muka bumi ini, tidak akan dapat mengatasi kehebatan Allah.

Demikian antara inti pati ceramah khas bertajuk 'Israk dan Mikraj : Mukjizat Agung Untuk Insan Pilihan' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal

Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Majlis berkenaan anjuran KKBS melalui Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1445 Hijrah/2024 Masihi bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta jabatan-jabatan di bawahnya.

beramai-ramai yang diketuai oleh Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, KKBS, Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan.

Seterusnya, bacaan ayat suci Al-Quran, Surah Al-Israk, ayat 1 oleh

johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1444 Hijrah/2023 Masihi Peringkat Akhir, Awang Abdul Qawiyel Azeez bin Haji Abd. Rajid.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan

Doa Menghindari Wabak COVID-19 oleh Awang Muhammad Nabil.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



Oleh : Nooratiini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (Brunei Economic Development Board - BEDB) melalui Darussalam Enterprise (DARE), malam tadi mengadakan majlis penyampaian satu anugerah berprestij, iaitu The Proudly Brunei Business Awards 2024 yang diadakan di Tarindak D'Seni, ibu negara.

Anugerah berkenaan adalah untuk meraikan pencapaian perusahaan dan juga syarikat yang berpangkalan di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah membuktikan prestasi dan kualiti yang luar biasa dalam industri

masing-masing.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengiktiraf perniagaan tempatan yang cemerlang, sambil menyediakan platform untuk rangkaian dan kerjasama, dan akhirnya meningkatkan profil dan kejayaan perniagaan masyarakat di NBD di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hadir menyerikan acara anugerah berkenaan, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis berkenaan menghimpunkan para penaja, rakan kongsi, termasuk nama-nama terkemuka seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.; Brunei LNG Sdn. Bhd.; Perbadanan TAIB; Bank Usahawan Berhad; Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.; DST Sdn. Bhd.; Brunei Innovation Lab (BIL); Dynamik Technologies Sdn. Bhd.; Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd. dan PricewaterhouseCoopers Services (Brunei) sebagai juruaudit yang dilantik bagi Proudly Brunei Business Awards dan Rakan Kongsi Pengetahuan.

Sementara itu, Pemangku Ketua

BEDB, DARE IKTIRAF PENCAPAIAN CEMERLANG PERNIAGAAN TEMPATAN



YANG MULIA Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) semasa menyampaikan anugerah dan seterusnya bergambar ramai bersama para penerima pada The Proudly Brunei Business Awards 2024 yang diadakan di Tarindak D'Seni (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah kiri, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif BEDB dan DARE, Daniel Leong semasa berucap.

Pegawai Eksekutif BEDB dan DARE, Daniel Leong dalam ucapan perasmian merakamkan ucapan terima kasih dan menyatakan bahawa anugerah berkenaan menandakan perjalanan penting ke arah mengiktiraf dan meraikan kecemerlangan dalam komuniti perniagaan NBD.

"Melalui anugerah berkenaan, kami percaya mengiktiraf dan menghargai pencapaian cemerlang bukan sahaja untuk meraikan kejayaan perniagaan mereka tetapi juga memberi inspirasi kepada banyak perniagaan dalam meneruskan semangat inovasi dan kecemerlangan," ujarnya lagi.

Pada acara berkenaan, tetamu kehormat majlis juga turut menyampaikan anugerah berprestij

kepada syarikat-syarikat yang berjaya memenangi tujuh kategori anugerah.

Syarikat yang berjaya menerima Anugerah bagi Kategori Perkembangan Perniagaan ialah A.Ayam Berjaya Sdn. Bhd. Manakala bagi Kategori Inovasi ialah Syarikat Poni Group Sdn.Bhd.

Anugerah Kategori Startup pula dimenangi oleh Syarikat GoMamam. Syarikat BWN Design Enterprise pula berjaya menyandang Anugerah Kategori Keusahawanan Belia dan Syarikat Taurean Bakeshop & Cafe meraih Anugerah bagi Kategori Keusahawanan Wanita.

Manakala bagi dua Kategori Kluster Utama iaitu 'Makanan' dimenangi oleh Syarikat SPHI Foods dan bagi 'Perkhidmatan' pula

ialah Syarikat Poni Group Sdn. Bhd.

Tema tahun ini, 'Pemangkin Untuk Hari Esok Yang Lebih Baik,' (Catalysts For A Better Tomorrow) adalah penghormatan kepada perniagaan yang mencapai pertumbuhan sambil memberikan sumbangan yang besar dalam sektor masing-masing.

Tema berkenaan menekankan peranan perniagaan sebagai pemangkin kepada perubahan ekonomi yang positif, memberi tumpuan kepada bidang keutamaan.

Selain itu, ia bertujuan untuk menghargai syarikat yang berperanan sebagai contoh, menyumbang ke arah pembangunan ekonomi tempatan sekaligus membuka jalan untuk masa depan yang menjanjikan bagi NBD.



22 pegawai kanan ABDB dinaikkan pangkat



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BOLKIAH GARISON, Jumaat, 16 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenalkan bagi seramai 22 pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) untuk dinaikkan pangkat hari ini.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 16 pegawai dinaikkan



pangkat daripada Pemangku Leftenan Kolonel/Komander (Tentera Laut Diraja Brunei - TLDB) ke Leftenan Kolonel/Komander (TLDB) Tetap dan enam pegawai dinaikkan daripada pangkat Mejar/Leftenan Komander (TLDB) ke pangkat Pemangku Leftenan Kolonel/Komander (TLDB).

Majlis Penyampaian Lencana

Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan

MAJLIS Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garison (kiri dan kiri sekali).

Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga para pegawai yang dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB, bagi memberkati majlis berkenaan.

74 PEGAWAI ABDB DINAIKKAN PANGKAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS GARISON, Khamis, 15 Februari. - Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seramai 74 pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah diperkenankan untuk dinaikkan pangkat hari ini.

Dua pegawai dinaikkan pangkat dari Pemangku Mejar ke Mejar Tetap, 27 pegawai dinaikkan pangkat daripada Kapten /

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa menyempurnakan Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat kepada para penerima (kanan, bawah kanan dan bawah kiri).

Majlis Penyampaian Lencana Kenaikan Pangkat telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan di Mes Pegawai Berakas Garison, di sini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Tentera, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersama ABDB, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan serta ahli keluarga pegawai-pegawai yang dinaikkan pangkat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Komander Haji Ainolnizam bin Haji Ibrahim, TLDB, bagi memberkati majlis tersebut.



Memperkukuh kemahiran pertanian melalui program latihan, bimbingan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Persatuan Peladang Pertanian Brunei

TUNGKU, Rabu, 14 Februari. - Ke arah usaha untuk mengenal pasti peluang-peluang bagi meningkat prestasi industri pertanian, Persatuan Peladang Pertanian Brunei (PPPB) menganjurkan bengkel yang disertai oleh kira-kira 60 peserta mewakili semua Sektor Industri Pertanian daripada Sektor Tanaman, Padi, Ternakan dan Agrimakanan.

Bengkel yang diadakan di Bilik Latihan Lepas Tuai di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku itu turut dihadiri oleh wakil daripada pihak berkepentingan iaitu Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Sekretariat Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC), Darussalam Enterprise (DARE), Pusat Pembangunan Belia (PPB) termasuk wakil daripada

beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Brunei, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan IBTE Kampus Agro Teknologi.

Perasmian bengkel tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab yang seterusnya juga melancarkan laman sesawang PPPB.

Selaras dengan strategi pembaharuan PPPB, 'Menjana Perubahan', laman sesawang mencerminkan aspirasi organisasi untuk merangsang pertumbuhan industri pertanian dengan menawarkan konsultasi, perkongsian maklumat dan bimbingan teknikal dan

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir pada bengkel tersebut.

keusahawanan. Program Mentor Peladang telah dilancarkan dengan kumpulan pertama seramai enam orang usahawan pertanian yang berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Dalam kata-kata aluannya, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memberi sokongan kepada peladang dengan pelbagai insentif seperti tapak pertanian, subsidi baja dan skim pembelian balik hasil beras.

Jelas Yang Berhormat, sumbangan industri pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 0.49 peratus secara relatifnya adalah rendah, namun ia adalah penunjuk aras yang penting bagi negara kita berusaha keras untuk mempelbagaikan sumber ekonominya selain minyak dan gas.

"Berbanding dengan negara jiran kita yang mempunyai pendapatan KDNK yang jauh lebih tinggi daripada aktiviti pertanian tetapi masih berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan keupayaan eksport mereka. "Saya percaya Brunei boleh



berdaya saing dan untuk mencapai hasrat tersebut kita perlu memberi sokongan pada peladang kita dengan ilmu pengetahuan yang relevan, peralatan dan sumber kewangan untuk menggerakkan mereka maju ke hadapan.

"Kita ingin melihat lebih ramai peladang tempatan yang dapat meningkatkan pendapatan mereka dan seterusnya menjadi usahawan pertanian yang berjaya," ujar Yang Berhormat.

Sejajar dengan tema strategik 'Menjana Perubahan', PPPB memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek yang dapat merangsang produktiviti, membuka peluang perniagaan, mengukuhkan ekosistem serta meningkatkan kemahiran usahawan pertanian tempatan melalui program latihan dan bimbingan.

Sehingga tahun 2022, terdapat 9,367 individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian, 47 peratus daripadanya adalah warga tempatan. Salah satu cabaran yang harus ditangani adalah kurangnya penglibatan belia dalam industri pertanian.

Purata umur peladang adalah dalam lingkungan 55 tahun, di mana secara lazimnya merupakan umur persaraan bagi penjawat awam. Ini adalah antara cabaran yang dibincangkan oleh peserta bengkel berkenaan bagaimana menarik lebih ramai belia untuk berkecimpung di bidang ini merealisasikan potensi industri pertanian negara.

PPPB ialah Persatuan Peladang-peladang Brunei yang ditubuhkan pada tahun 2021 untuk menyokong kepelbagaian ekonomi, merangsang pertumbuhan pertanian lestari dan industri berasaskan agrimakanan melalui teknologi tinggi, meningkatkan sekuriti makanan dan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pertubuhan itu baru-baru ini melantik jawatankuasa eksekutif baharu bagi tempoh 2024-2026. PPPB membuka pendaftaran ahli baharu secara dalam talian melalui laman sesawang PPPB di mana keahlian untuk pelajar adalah percuma.



ANTARA yang hadir pada bengkel tersebut.


IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM
 MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2. Lengkapi Kelulusan (Berpelajaran / Pangkat serta sajak / bujang kelulusan)

3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, surat pengesahan / Sijil Kelulusan Pengkiran Kelulusan (SKPK) yang berkuatkuasa)

4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. Lengkapi Maklumat (Berkas / perisian / Perisian Perkhidmatan Awam / Isian-isian / Kelulusan profesional dan lain-lain yang dipertanyakan di dalam skim iklan)



No.	Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1.	PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKAT II D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2024/FEB/02	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	02	7(A)	17 FEBRUARI 2024

- PERINGATAN:
- BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 - PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAUAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DI IKLAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 - PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Tajuk Tawaran :

Sebut Harga Bagi :

- PEMAKANAN KECEMASAN OPERASI / STANDBY MELEBIHI 3 JAM BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA SERTA DAERAH TEMBURONG (RUJ: JBP / TSH / 01 / 2024 - 2025)
- PEMAKANAN KECEMASAN OPERASI / STANDBY MELEBIHI 3 JAM BAGI DAERAH TUTONG (RUJ: JBP / TSH / 02 / 2024 - 2025)



- PEMAKANAN KECEMASAN OPERASI / STANDBY MELEBIHI 3 JAM BAGI DAERAH BELAIT (RUJ: JBP / TSH / 03 / 2024 - 2025)

Tarikh Tutup / Jam :

Khamis,
29 Februari 2023
(1. 50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



Kenyataan Tawaran Jabatan Kerja Raya

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
E01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
27 Februari 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup :



12 Mac 2024 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam :
2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / BP / 03 / 2024

Nama Projek :
Penggantian Sistem Lampu Termasuk Kerja-Kerja Pendawaian Di Kawasan Perkarangan Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pelbagai Tanaman, Daerah Brunei Dan Muara Seluas 2 Hektar

Bilangan :
01 / 2024

Lokasi :
Lot 116, KKP Betumpu, Daerah Brunei Muara

Keluasan Kawasan :
2 hektar

Syarat :
Untuk menjalankan perusahaan pengeluaran pelbagai tanaman

Tempoh iklan :
2 minggu

Tarikh mula pembelian borang :
Isnin,
12 Februari 2024

Tarikh akhir pembelian borang :
Sabtu,
24 Februari 2024

Tarikh akhir menghantar :
Isnin,
11 Mac 2024
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang



Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pelbagai Tanaman, Daerah Brunei Dan Muara Seluas 2 Hektar

Bilangan :
02 / 2024

Lokasi :
Lot 126, KKP Betumpu, Daerah Brunei Muara

Keluasan Kawasan :
2 hektar

Syarat :
Untuk menjalankan perusahaan pengeluaran pelbagai tanaman

Tempoh iklan :
2 minggu

Tarikh mula pembelian borang :
Isnin,
12 Februari 2024

Tarikh akhir pembelian borang :
Sabtu,
24 Februari 2024

Tarikh akhir menghantar :
Isnin,
11 Mac 2024
sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang



Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan

Tawaran Tapak Bagi Menjalankan Perusahaan Pelbagai Tanaman, Daerah Brunei Dan Muara Seluas 2 Hektar

Bilangan :
03 / 2024

Lokasi :
Lot 160, KKP Betumpu, Daerah Brunei Muara

Keluasan Kawasan :
2 hektar

Syarat :
Untuk menjalankan perusahaan pengeluaran pelbagai tanaman

Tempoh iklan :
2 minggu

Tarikh mula pembelian borang :
Isnin,
12 Februari 2024

Tarikh akhir pembelian borang :
Sabtu,
24 Februari 2024

Tarikh akhir menghantar :
Isnin,
11 Mac 2024
sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang :
BND1.00 / borang



Jabatan Daerah Temburong

Bilangan Sebut Harga:
JDT / S / 53 / 2023-2024

Nama Sebut Harga:

"Sebut Harga Bagi Menyediakan, Menyewakan Khemah Serta Pengurusan Dan Pengendalian Gerai Ramadan Tahun 2024"

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Sabtu,

14 Sya'aban 1445 bersamaan
24 Februari 2024

JPi / 01 / 2024

Tajuk :
To Conduct Site Assessment And Carrying Capacity For Fish Cage Farming Industry, Brunei Rivers, Brunei Muara

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 Mac 2024,
Jam 12.00 Tengah Hari



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran :





Sebut Harga Bagi Pehkhidmatan Kantin

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 01 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Sukan,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 673.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 02 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Kapok Muara,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 478.00

Bilangan Sebut Harga :

DA / JKSH / 03 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Perpindahan Lambak, Jalan 10
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 370.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 04 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri,
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']
HARGA SEWA KANTIN :
BND 786.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 05 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong
Daerah Brunei Muara,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :

BND 1,097.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 06 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Sayyidina Othman,
Daerah Tutong,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']
HARGA SEWA KANTIN :
BND 634.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 07 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah,
Daerah Belait,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']
HARGA SEWA KANTIN :
BND 726.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 08 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan

Omar Ali Saifuddien
Daerah Belait,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 634.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 09 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Negalang,
Daerah Temburong,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 54.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 10 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Sultan Hassan
Daerah Temburong,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 1,298.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 11 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Menengah Pengiran Jaya



Negara Pengiran Haji Abu Bakar,
Daerah Belait,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 1,293.00

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 12 / 2024 / 2025
[BPPA-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi :
Sekolah Rendah Kampung Menengah,
Daerah Tutong,
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
HARGA SEWA KANTIN :
BND 14.00

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND 5.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
2 Mac 2024
[Tidak lewat jam 9.00 pagi]



Sebut Harga Secara Terbuka Bagi Pengendalian Kursus Modular dan Signature Programme Bagi Tahun Kewangan 2024/2025

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 13 / 2024 / 2025
[HRD-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :
Microsoft Excel Course For Beginners
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 14 / 2024 / 2025
[HRD-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Pengendalian Kursus Signature Programme Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :
Enhancing Self Leadership

Jumlah Hari Kursus :
Dua (2) Hari

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 15 / 2024 / 2025
[HRD-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Pengendalian Kursus Signature Programme Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :

Power Of Negotiation

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 16 / 2024 / 2025
[HRD-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Pengendalian Kursus Signature Programme Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :
Strategic Leadership
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 17 / 2024 / 2025
[HRD-FEB-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Pengendalian Kursus Signature Programme Tahun Kewangan 2024/2025 Bagi :
Effective Stakeholder Engagement
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
9 Mac 2024
[Tidak lewat jam 9.00 pagi]



Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.1 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Islamic Transformational Leadership"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.2 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Development Of Case Studies For Mofe"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.3 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Getting Things Done"



Jabatan Kehakiman Negara
Jabatan Perdana Menteri

Iklan Sebut Harga :

Bilangan Sebut Harga :
JKN / BPEA / SH / E / 2023 – 2024
(5)

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.4 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Emotional Intelligence"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.5 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Project Management"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.6 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Intensive Communication Skills"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.7 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Emerging Leader"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.8 / 2024

Perkhidmatan Pengangkutan Sampah Di Bangunan Mahkamah–
Mahkamah Daerah Belait,
Bagi Tempoh 36 Bulan

Tarikh Sesi Penerangan (Information Session) :
Sabtu, 24 Februari 2024,
Jam 10.00 Pagi

Tempat Berkumpul
Di Kawasan Lobi
Bangunan Mahkamah–
Mahkamah Daerah Belait

Tarikh Tutup Sebut Harga :



Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "Work-Life Balance: Qur'anic Inspiration For Self-Development"

Bilangan Sebut Harga :
KKW / BPSM / 11 Q.9 / 2024

Tajuk Sebut Harga :
Pengendalian Latihan Dalam (In-House) Bagi Kursus "First Aid"

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu,
9 Mac 2024
Tidak lewat Jam
2.00 Petang



Selasa, 27 Februari 2024
Sebelum Jam 2.00 Petang



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

BERSATU
MENCAPAI
CITA NEGARA

کے پر کئے

Kibarkanlah

BENDERA KEBANGSAAN DAN BENDERA PERIBADI

Bermula 6 Syaaban hingga 15 Syaaban 1445H
bersamaan dengan

16 Februari hingga 25 Februari 2024M

سَمبوتن اولڠ تاهون هاري كېڠساڠن نڬارا بروني دارالسلام ك-٤٠، تاهون ٢٠٢٤
 SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024



LAWATAN KERJA RASMI KE KPT, MALAYSIA



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan mengetuai rombongan Kementerian Pendidikan mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Malaysia dari 12 Februari hingga 15 Februari 2024 (atas, atas kanan dan bawah kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

PUTRAJAYA, Khamis, 15 Februari. - Rombongan dari Kementerian Pendidikan yang diketuai oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Malaysia dari 12 Februari hingga 15 Februari 2024.

Semasa lawatan tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan telah membuat kunjungan hormat ke atas Ketua Setiausaha, KPT, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang pada 13 Februari 2024, di mana kedua-dua pihak telah mengadakan perbincangan serta melahirkan rasa gembira atas kerjasama yang berterusan dan aktif dalam bidang pengajian tinggi.

Turut hadir semasa sesi tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha, KPT, Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, KPT, Malaysia, Yang Berusaha Profesor Dr. Azlinda binti Azman.

Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan serta rombongan juga telah berpeluang mengadakan beberapa pertemuan bersama agensi-agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Education Malaysia Global Services (EMGS) bagi membincangkan hala tuju serta peluang kerjasama dua hala dalam bidang penyelidikan dan pelan

strategik bagi Pengajian Tinggi.

Antara objektif utama Lawatan Kerja tersebut adalah untuk membincangkan mengenai draf Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia bagi Sektor Pengajian Tinggi serta mengenal pasti inisiatif-inisiatif yang berpotensi untuk diterokai bagi kerjasama di antara kedua-dua buah pihak.

Selain itu, Kementerian Pendidikan NBD juga berhasrat untuk meluaskan kerjasama profesional dan memupuk perkongsian dengan pihak berkepentingan dalam bidang pendidikan.

Delegasi Kementerian Pendidikan juga berkesempatan mengadakan kunjungan hormat bersama Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier General (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin bagi mengongsikan perkembangan Lawatan Kerja pihak Kementerian Pendidikan NBD ke Malaysia dan seterusnya mengadakan sesi perjumpaan ramah mesra bersama penuntut-penuntut Majlis Perwakilan Pelajar NBD serta pegawai-pegawai atasi pendidikan di Malaysia.

Turut menyertai rombongan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa Lawatan Kerja tersebut ialah Pengarah Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi serta pegawai-pegawai daripada Kementerian Pendidikan NBD.



سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

UJIAN TEMU DUGA URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU
DISEMAK OLEH PENGAWAL
KESELAMATAN.



KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH
MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD
BRUHEALTH DAN ART
KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN BANGUNAN.
HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN
MERAH DIBENARKAN MASUK.



3 BAGI YANG MEMPUNYAI
KOD UNGU, HENDAKLAH
MENGHUBUNGI PIHAK
URUS SETIA PEJABAT SPA
MELALUI TALIAN PERHUBUNGAN SPA



+673 7371961 query@spa.gov.bn

4 HENDAKLAH MELAPOR
DIRI KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN DI TINGKAT 1
TERLEBIH DAHULU.



5 PEMAKAIAN SUNKUP
MUKA BAGI ORANG RAMAI
YANG DATANG BERURUSAN
KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.



6 HADIR PADA TARIKH
DAN WAKTU YANG
DITETAPKAN BAGI UJIAN
ATAU TEMU DUGA.



7 MESTILAH BERPAKAIAN
KEMAS, SOPAN DAN
MENUTUP AURAT.



8 TERUS BEREDAR SETELAH
SELESAI BERURUSAN.

EXIT



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lindungi Hidupan Liar Kitani'. Tarikh Tutup : 21 Februari 2024
2. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2024
3. 'Persediaan Di Ambang Ramadan'. Tarikh Tutup : 06 Mac 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sendirian Berhad

Manakala sebutan kes terhadap Muhammad Amin akan didengar secara berasingan pada 27 Februari 2024. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Fitri binti Kiprawi.

Bulan Syaaban : Persediaan di ambang Ramadan



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Tawbah, ayat 36 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi Allah ialah 12 bulan (Qamariah) dalam kitab (ketetapan) Allah ketika Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Yang demikian itulah (ketetapan) agama yang lurus. Maka janganlah kamu menganiayai

diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya)".

Syaaban adalah bulan kelapan dalam Takwim Hijrah. Syaaban ertinya berpecah belah dan bulan ini dinamakan sedemikian kerana suku-suku Arab berpecah-pecah pergi mencari air. Dalam bulan ini juga telah terjadi peristiwa penting dalam sejarah Islam di mana peralihan kiblat dari Masjidil Aqsa ke Kaabah di Masjidilharam berlaku. Dan sejak peristiwa itu, sembahyang ditunaikan dengan menghadap Kaabah sebagai kiblat.

Syaaban merupakan salah satu bulan yang mempunyai keistimewaan sendiri di dalam Islam. Keadaan ini samalah juga dengan bulan Rejab dan Ramadan yang mempunyai fadilat tersendiri, sehingga menyebabkan kehadirannya sentiasa ditunggu-tunggu. Dicapada Aisyah Radiallahuanha, katanya :

Maksudnya : "Bulan yang paling dicintai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda akan berpuasa di dalamnya adalah Syaaban, kemudian meneruskannya di dalam bulan Ramadan". (Hadis Riwayat Imam Abu Daud)

Disebabkan keadaan itu tidak hairanlah seandainya ramai umat Islam yang sebelumnya susah untuk berpuasa sunat, kembali mengerjakan ibadat tersebut pada bulan Syaaban.

Selain dari memperbanyak Puasa Sunat, antara amalan-amalan lain yang digalakkan untuk kita melakukannya dalam bulan Syaaban ini ialah :

Pertama : Bertaubat dan beristighfar. Sesungguhnya perintah taubat dan istighfar itu bukan hanya bagi orang yang berbuat maksiat dan berbuat dosa, malah kita semua adalah dituntut untuk sentiasa bertaubat dan beristighfar.

Kedua : Memperbanyak zikir dan doa. Zikir adalah ucapan yang dilakukan

dengan lidah ataupun mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan hati, ucapan dan ingatan. Zikir atau berzikir itu adalah perintah Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya. Dicapada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawa dia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan memohon ampun kepada-Nya setiap hari lebih daripada 70 kali". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Begitu juga dengan perkara doa. Ingatlah bahawa doa itu boleh dilakukan tanpa mengira tempat dan masa. Sesungguhnya doa itu ialah memohon sesuatu hajat ataupun perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan cara merendahkan diri dan tawaduk kepada-Nya.

Selain itu, banyak lagi amal kebajikan yang boleh dilaksanakan di bulan Syaaban ini sebagai persiapan menyambut kedatangan Ramadan seperti memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bersembahyang sunat terutama di waktu malam, banyak bersedekah dan seumpamanya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya, mengapa Baginda melebihi berpuasa sunat di bulan Syaaban berbanding bulan-bulan yang lain. Dicapada Usamah bin Zaid Radiallahuanhu, beliau berkata : "Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam satu bulan sebagaimana engkau berpuasa di dalam bulan Syaaban?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Itu adalah bulan yang mana manusia sering lalai akannya iaitu bulan yang berada di antara Rejab

dan Ramadan. Bulan tersebut adalah bulan-bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Tuhan semesta alam, maka aku suka ketika amalanku diangkat dalam keadaan aku sedang berpuasa". (Hadis Riwayat Imam Nasaie)

Apabila tiba sahaja bulan Syaaban, antara perkara yang sering kali terjadi ialah sesetengah individu yang masih berhutang puasa akan bergas-gegas untuk mengqada puasa mereka di bulan ini.

Oleh yang demikian, sekiranya kita masih mempunyai puasa Ramadan yang belum lagi diqada, maka qadalah hutang-hutang puasa itu semasa kita masih mampu, sihat dan bertenaga sebelum tibanya bulan Ramadan.

Perlu diingat, bahawa perbuatan melengah-lengahkan qada puasa tanpa keuzuran sehingga datang Ramadan yang berikutnya adalah berdosa dan diwajibkan ke atasnya mengqada puasa tersebut dan membayar fidyah, kecuali orang-orang yang benar-benar tidak berdaya mengerjakannya seperti orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh maka mereka tidak diwajibkan mengqada puasa yang ditinggalkan itu, akan tetapi mereka wajib membayar fidyah sebagai ganti puasa yang ditinggalkannya itu.

Akhirnya, marilah kita sama-sama sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah dan amal kebajikan di bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, sesungguhnya Kami tidak mensia-siakan pahala sesiapa yang memperbaiki amalannya". (Surah Al-Kahf, ayat 30)

Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang diadakan di Student's Learning and Service Centre (SLSC), maktab berkenaan.

GADONG, Jumaat, 16 Februari. - Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli PMAMB) petang tadi mengadakan Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Yang Ke-50 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Pensyarah Syariah, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Maktab Duli PMAMB, Awang Haji Amran bin Haji Jalil.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dipimpin oleh Pensyarah Syariah, JPI, Maktab Duli PMAMB, Awang Mohammad Ali Syaffie bin Mohd. Noor.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pensyarah Usuluddin, JPI, Maktab Duli PMAMB, Awang Haji Mohd.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA كمتين كميجت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM	1385 mg	1000 mg	880 mg
1 bungkus Mee Segera	3 bungkus Telur Masin	1 sudu makan Kicap	
3 sudu makan Corned Beef	1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang	1 bungkus kecil Keropok Udag Tempatan	
120 mg	116 mg	15 mg	
1 cawan Kentang Goreng	3 keping Kraker Beras		
2.4 mg	1.7 mg	1.2 mg	
1/2 cawan Amping	3 keping Kacang Tanah (Unsalted)	Sebilu ukuran sedetpanak Pisang	

TIPS

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari.

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok.

Shafiee bin Haji Japar.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin sekolah, timbalan-timbalan pengetua, para pegawai Kementerian Pendidikan, para

tenaga pengajar dan pelajar Maktab Duli PMAMB.

Majlis berkenaan diadakan di Student's Learning and Service Centre (SLSC), maktab berkenaan.

KEPENTINGAN INOVASI, KREATIVITI DALAM HADAPI CABARAN DIGITAL



REKTOR UNISSA semasa hadir merasmikan Program Hari Inovasi bersempena dengan Hari Terbuka UNISSA.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Beliau menambah, Hari Inovasi seterusnya memberikan peluang untuk menghargai pencapaian dan usaha individu serta kumpulan yang telah berusaha untuk mencipta, memperbaiki dan menerapkan idea-idea cemerlang.

Program Hari Inovasi UNISSA bertujuan untuk mengetengahkan hasil projek penyelidikan inovasi, pembentangan hasil penemuan dan reka bentuk prototaip inovasi para pelajar.

Program tersebut diadakan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar untuk lebih proaktif dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang menjana daya inovatif dan pemikiran yang lebih kreatif dan ia amat bertepatan dengan aliran dan cabaran masa kini iaitu keperluan inovasi dilihat sebagai pendorong utama dalam meningkatkan kualiti dan kecekapan diri.

Program Hari Inovasi turut diisikan dengan sesi ceramah ilmiah dan bengkel berkaitan dengan penyelidikan berinovasi daripada pakar inovasi Universiti Teknologi Malaysia Johor yang berlangsung selama dua hari. Turut menyertai program tersebut ialah Brunei Innovation Lab, Shell



PENOLONG Rektor (Akademik), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Fakulti Teknologi Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Pejabat Pengurusan Akademik (PPA), julung-julung kalinya menganjurkan Program Hari Inovasi bersempena dengan Hari Terbuka UNISSA.

Hari Inovasi selama dua hari bermula hari ini yang mengambil tempat di Auditorium, universiti berkenaan dibukakan kepada warga UNISSA dan orang

ramai. Sehubungan itu, hadir merasmikan program berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Program juga diselenggarakan dengan Majlis Penandatanganan MoA antara UNISSA dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi kerjasama padanan geran projek penyelidikan Underwater Remotely Operated Vehicle (ROV) Development.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA

manakala UTM pula diwakili oleh Pengerusi Penyelidikan Bersekutu Kejuruteraan Inovatif, Profesor Madya Dr. Mohd. Farid bin Muhamad Said bagi pihak Naib Canselor UTM, Yang Berbahagia Profesor Datuk Teknologis, Dr. Ahmad Fauzi Ismail.

Terdahulu, Penolong Rektor (Akademik), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad dalam ucapannya menjelaskan, inovasi adalah pendorong utama kemajuan dan kejayaan dalam pelbagai bidang kehidupan dan perubahan yang membawa impak positif kepada masyarakat, ekonomi dan dunia secara keseluruhan.

Menurutnya lagi, prototaip yang dihasilkan dapat membuka ruang kepada pelajar meneroka peluang komersial seterusnya memulakan langkah *startup* dan *spin-off company* dan ia akan membantu mereka dalam membina kerjaya teknopreneur dan meningkatkan kebolehpasaran pekerjaan.

Tawaran program tingkat daya kompetitif pelajar



MENANDATANGANI bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA manakala UTM pula diwakili oleh Pengerusi Penyelidikan Bersekutu Kejuruteraan Inovatif, Profesor Madya Dr. Mohd. Farid bin Muhamad Said bagi pihak Naib Canselor UTM, Yang Berbahagia Profesor Datuk Teknologis, Dr. Ahmad Fauzi Ismail.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Dalam usaha untuk menjadikan para graduan lebih berdaya saing dalam pasaran pekerjaan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mempromosikan lima program pengajian meliputi Program Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, Sarjana Muda Media dan Teknologi Komunikasi Islam, Sarjana Muda Sains Pertanian (Agribisnes), Sarjana Muda Sains Pertanian (Agriteknologi) dan Sarjana Muda Sains Halal.

Program-program pengajian tersebut berjalan selama tiga tahun bermula pada sesi kemasukan akademik Ogos 2024 / 2025.

Dalam kajian tinjauan yang dilaksanakan oleh fakulti dan pusat berkenaan telah mendapati

bahawa cadangan menawarkan tempoh pengajian tiga tahun telah mendapat sambutan positif daripada kebanyakan responden kerana ia sekali gus akan memberi banyak kelebihan kepada pelajar berbanding sebelumnya menjalani pengajian program selama empat tahun.

Dengan penawaran program tiga tahun pengajian oleh beberapa fakulti dan pusat ini juga dijangka menyumbang kepada tarikan lebih ramai pemohon dalam dan luar negara untuk mengikuti pengajian akademik di UNISSA.

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam melihat bahawa perkembangan dan keperluan masa kini telah menghendaki untuk memastikan program yang ditawarkan boleh

bersaing dengan program yang ditawarkan oleh universiti dalam dan luar negara khususnya dalam jurusan yang berkaitan dengan ilmu pengurusan pembangunan seperti prinsip-prinsip pembangunan dan pengurusan yang berasaskan Islam (Islamic-based development and management).

Fakulti Teknologi Islam pula menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Media dan Teknologi Komunikasi Islam dan Ijazah Sarjana Muda Islamic Data Sciences berasaskan dorongan untuk memenuhi keperluan negara dalam menuju Wawasan Brunei 2035 serta menghadapi perkembangan revolusi industri yang menghendaki kepada upaya dan usaha meningkatkan kepakaran dan penyelidikan dalam bidang teknologi media dan

komunikasi Islam.

Fakulti Pertanian dalam usahanya membantu pihak kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi negara di luar sektor minyak dan gas pula berhasrat dari penawaran program pengajian tiga tahun iaitu Program Sarjana Muda Sains Pertanian (Agribisnes) dan Sarjana Muda Sains Pertanian (Agriteknologi) ini akan dapat menggalakkan pengalaman pembelajaran yang lebih fokus bertujuan bagi menghasilkan graduan yang lebih bersedia untuk permintaan pasaran kerja yang semakin mencabar khususnya dalam industri pertanian.

Manakala Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) pula melihat bahawa program pengajian tiga tahun iaitu Sarjana Muda Sains Halal yang secara amnya memberi tumpuan terhadap pengetahuan tentang halal seperti prinsip syariah, kemahiran dalam bidang

pengurusan industri halal termasuk penyelidikan autentikasi halal ini adalah selari dengan piawaian pendidikan halal yang mencerminkan amalan terbaik di peringkat nasional dan antarabangsa terutamanya bagi tujuan untuk melahirkan graduan yang serasi dan berdaya saing dengan keperluan industri halal.

UNISSA berkeyakinan bahawa kesemua program tiga tahun pengajian yang ditawarkan mempunyai daya tahannya yang tersendiri kerana fakulti dan pusat berkenaan bukan hanya setakat melahirkan graduan siaga masa depan malahan ia adalah selaras dengan misi UNISSA dalam menyediakan pendidikan tinggi Islam yang berkualiti dan penyelidikan berimpak tinggi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan 'khaira ummah' demi meninggikan syiar Islam dan pembangunan negara.



جائبن قرائن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL LIPAL PENGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"jawah? banar kan tawarannya ani?"



Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

TINGKATKAN SEMANGAT PATRIOTISME MELALUI KEMPEN SEMARAK KEBANGSAAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Februari. - Dengan hasrat untuk meningkatkan semangat kenegaraan dan patriotisme yang tinggi dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini dan menanamkan sikap masyarakat supaya sentiasa menyemarakkan Hari Kebangsaan dengan mengibarkan Bendera Negara, Jabatan Penerangan hari ini mengendalikan Kempen Semarak Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024 di keempat-empat buah daerah.

Kempen Semarak Kebangsaan dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini bertempat di Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, di sini.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Penerangan turut menyampaikan Bendera Negara kepada ketua-ketua rombongan konvoi yang terdiri daripada Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim (Konvoi

1) dan Pegawai Penerangan Kanan, Ketua Bahagian Cawangan Daerah, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar (Konvoi 2).

Kempen Semarak Kebangsaan dilaksanakan dengan format konvoi ke mukim-mukim yang dipilih di setiap daerah. Destinasi dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 'Konvoi 1' menuju ke Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong, manakala 'Konvoi 2' ke Daerah Tutong dan Daerah Belait.

Dari ibu pejabat Jabatan Penerangan, 'Konvoi 1' menuju ke Dewan Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia bagi penyerahan Bendera Negara kepada 40 penerima yang terpilih di Mukim Zon 1 dan 2, Kampong Ayer meliputi Kampung Setia 'A' dan Setia 'B', Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B' dan Kampung Sungai Kebun. Penyerahan Bendera Negara yang disempurnakan oleh Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, Ketua Rombongan Konvoi 1.

Turut hadir Penghulu Zon 1 dan 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid dan Ketua-ketua

KEMPEN Semarak Kebangsaan dilancarkan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini bertempat di Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan (atas). Sementara gambar atas kiri, Pemangku Pengarah Penerangan semasa menyampaikan Bendera Negara kepada ketua-ketua rombongan konvoi.

kampung di bawah tadahan mukim berkenaan.

Destinasi seterusnya ialah Mukim Bokok, Daerah Temburong. Ketibaan 'Konvoi 1' dialu-alukan oleh Pemangku Penghulu, Awang Mohammad Afnan bin Haji Gafar.

Penyerahan Bendera Negara kepada 40 penerima yang terpilih disempurnakan Ketua Rombongan Konvoi 1 bertempat di kediaman Pemangku Penghulu Mukim berkenaan.

Sementara itu, 'Konvoi 2' Kempen Semarak Kebangsaan pula bertolak ke Mukim Keriam. Mengalu-alukan ketibaan konvoi di mukim berkenaan ialah Penghulu Mukim Keriam, Awang Haji Joharry bin Abdul Karim, dan seterusnya Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Rombongan Konvoi 2 menyampaikan Bendera Negara kepada 40 penerima yang

terpilih di Mukim Keriam yang berlangsung di kediaman Penghulu Mukim Keriam dan turut dihadiri oleh ketua-ketua kampung di bawah tadahan mukim berkenaan.

Pada sebelah petang, rombongan bertolak ke Mukim Liang, mukim yang terpilih bagi Daerah Belait.

Ketibaan 'Konvoi 2' di kediaman Penghulu, dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Liang, Awang Mohammad Yamin bin Haji Abdul Rani dan ketua-ketua kampung di mukim tersebut dan seterusnya Ketua Rombongan Konvoi 2 menyampaikan Bendera Negara ke

40 penerima yang terpilih di mukim tersebut.

Di samping menyemarakkan dan memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Kempen Semarak Kebangsaan ini juga merupakan salah satu dari Strategi Komunikasi Bersemuka Jabatan Penerangan untuk mengukuhkan hubungan di antara kerajaan dan masyarakat dan bagi membina semangat solidariti patriotik serta kenegaraan yang tinggi berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB).



SEKITAR Kempen Semarak Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024 di keempat-empat buah daerah (atas kanan sekali, atas, atas kiri dan kiri).

SESI PERBINCANGAN PANEL BERSAMA PENGAMAL UNDANG-UNDANG



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Bersempena dengan Pembukaan Tahun Undang-undang 2024, The Law Society of Brunei Darussalam telah mengadakan Sesi Perbincangan Panel yang menumpukan kepada Criminal

Procedure dan menampilkan K.A Ramu dari Messrs Law Practice of K.A Ramu sebagai penceramah utama pada sesi perbincangan tersebut.

Turut menyertai sesi perbincangan tersebut, Pengiran

Khairul Nizam dari Messrs Yusof Halim and Partners, Dayang Hajah Suriana binti Haji Radin dari Jabatan Peguam Negara dan Ahmad Basuni dari Messrs Abrahams Davidson and Co. sebagai moderator pada sesi berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

THE Law Society of Brunei Darussalam mengadakan Sesi Perbincangan Panel sempena Pmbukaan Tahun Undang-Undang 2024.

Sesi perbincangan yang diadakan baru-baru ini disertai seramai 10 pelajar dari Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terdiri daripada mahasiswa Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Undang-undang Syariah tahun akhir sekali gus sama-sama berbincang dan merangsang lagi pemikiran secara lebih luas.

Hadir bagi sama-sama menyaksikan sesi perbincangan tersebut termasuklah pengamal undang-undang dari pelbagai firma guaman di Negara Brunei Darussalam, ahli-ahli dari Jabatan Kehakiman dan pegawai-pegawai pendakwa dari The Attorney General Chamber's Criminal Justice Division.

Tumpuan utama perbincangan menumpukan kepada prosedur perbicaraan jenayah, perbincangan itu meneroka aspek seperti perwakilan, tawaran rayuan, dan

pendedahan, menawarkan dua pandangan daripada perspektif pengamal litigasi jenayah dan pendakwaan. Para tetamu yang hadir juga turut serta dalam sama-sama membincangkan tajuk-tajuk merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan rayuan, caj cacat dan laluan untuk mencapai kejayaan dalam profesion guaman.

Penyertaan mahasiswa dalam acara ini menonjolkan komitmen berterusan Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang baharu ditubuhkan bagi pembelajaran antara disiplin.

Sesiperbincanganpanelberfungsi sebagai satu peluang yang unik untuk para mahasiswa melibatkan diri dan menjalin rangkaian dengan pakar-pakar dalam pelbagai disiplin undang-undang. Sebelum ini dikenali sebagai Fakulti Syariah dan Undang-undang, pemisahan daripada penggabungan syariah dan undang-undang menandakan detik penting dalam perjalanan Universiti Islam Sultan Sharif Ali ke arah kecemerlangan dalam pendidikan undang-undang dan syariah.



SEKITAR Ceramah Kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Dalam memberikan pendedahan dan peluang bagi mereka yang berminat untuk membina kerjaya dalam industri hospitaliti dan pelancongan, makanan dan nutrisi serta bidang geografi, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan Ceramah Kerjaya yang berlangsung di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, hari ini,

berikutan kejayaan penganjuran taklimat tersebut di Sekolah Menengah Sultan Hassan pada 6 Februari yang lalu.

Seramai 100 pelajar dari sekolah berkenaan menyertai ceramah tersebut di mana ia mendidik dan memberikan inspirasi kepada belia yang akan menjadi profesional pelancongan dan hospitaliti pada masa hadapan malah sekolah berkenaan merupakan sekolah yang ketujuh semenjak Jabatan Kemajuan

Ceramah Kerjaya teroka Sektor Hospitaliti, Pelancongan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Pelancongan melaksanakan inisiatif tersebut.

Sejak awal tahun, jabatan ini telah berdedikasi untuk meningkatkan kesedaran khususnya dalam kalangan pelajar dari pelbagai sekolah menengah. Satu siri Ceramah Kerjaya telah dimulakan bukan sahaja untuk melengkapkan mereka dengan pemahaman menyeluruh tentang industri Sektor Hospitaliti dan Pelancongan tetapi juga untuk menawarkan bimbingan berharga kepada pelajar yang bercita-cita untuk meneruskan kerjaya selepas menamatkan persekolahan.

Juga hadir pada Ceramah Kerjaya tersebut, beberapa orang pakar dari Aman Hills Hotel dan Travelhub Tours and Travel Sdn. Bhd. di mana mereka telah menawarkan akan pandangan dan pengalaman khususnya yang melibatkan Sektor Hospitaliti dan Pelancongan termasuk Travel and Tourism, Tour Guiding dan Culinary Arts.

Selepas sesi taklimat, Pusat

Pembangunan Belia (PPB) turut menganjurkan Pameran Mini Kerjaya yang mempamerkan dan memberikan maklumat mengenai kursus-kursus yang ada dalam pelancongan, hospitaliti dan seni kulinari.

Jabatan Kemajuan Pelancongan

akan mengadakan lebih banyak ceramah kerjaya dengan institusi dan sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam bagi menyediakan kefahaman yang mendalam kepada para pelajar mengenai peluang-peluang yang terdapat bagi mereka di mana sesi seterusnya akan diadakan di Pusat Tingkatan Enam Tutong pada 5 Mac nanti.





سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan (Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / penghasilan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



Pentingnya pengesanan awal kanser

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

PENYAKIT kanser boleh menyerang sesiapa sahaja, tidak mengenal umur, jantina mahupun bangsa. Kanser terdiri daripada sel-sel barah yang sekiranya tidak dirawat boleh merebak ke bahagian tubuh badan yang lain. Komplikasi dan kehilangan fungsi multi organ akan menyebabkan kematian. Kelalaian dan keterlambatan dalam mengesan kanser dalam tubuh badan boleh menjadikan gejala-gejala lebih teruk dan menjadikan sel-sel cepat merebak.

Kanser bukan sahaja mengganggu aktiviti harian tetapi juga boleh mengancam nyawa. Misalnya bagi ibu-ibu mengandung, walaupun kanser tidak selalunya merebak kepada janin, tetapi ianya boleh menyebabkan kecacatan kepada janin yang dikandung. Ibu yang hamil hanya akan dapat menjalani rawatan kemoterapi ketika berada dalam semester kedua. Ini kerana pada fasa trimester pertama, pembentukan janin adalah di dalam fasa awal perkembangan organ. Pihak doktor akan mempertimbangkan segala rawatan ataupun pembedahan bila ibu hamil masuk ke trimester kedua, bila ibu dan janin akan lebih berada di dalam keadaan yang stabil dan selamat.

Oleh itu, pengesanan awal kanser bagi ibu mengandung dan golongan yang lebih berisiko tinggi perlu dipantau lebih awal supaya mereka peka akan langkah-langkah yang mesti dipraktikkan bagi mengelakkan sel-sel kanser berkembang dengan pantas.

Pengesanan awal bagi penyakit kanser amat penting kerana ia boleh meningkatkan tahap kelangsungan hidup bagi seseorang pesakit. Pelbagai jeraywara kesedaran mengenai kanser telah diuar-uarkan di sosial media dan dalam bidang pelajaran malahan juga pada klinik-klinik kerajaan. Ini menjadikan

kanser sebagai salah satu penyakit yang bukan lagi janggal di masa sekarang tetapi sesuatu perkara penting untuk difahami dan sesuatu yang perlu dikongsi bersama akan perjalanannya.

Pengesanan awal juga boleh mengelakkan ketumbuhan kanser supaya tidak merebak lebih jauh kepada organ-organ yang penting. Bila ketumbuhan dapat dikawal, peluang untuk bertahan hidup akan menjadi lebih tinggi. Pengesanan juga perlu dilakukan dengan segera dan dikongsi dengan orang terdekat dan dibawa ke hospital kerana kita lebih memahami badan sendiri sekiranya terdapat perubahan yang ketara yang mungkin berhubung kait dengan kanser.

Program saringan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam

Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit kanser dan antara cara untuk mengurangkan risiko adalah dengan mengikuti program saringan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan (PPKK) adalah program pemeriksaan saringan kesihatan senegara anjuran Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam untuk mengesan dan mencegah penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, kolesterol tinggi dan kanser, agar rawatan yang efektif dapat diberikan awal.

Di negara ini, terdapat empat program saringan umum iaitu pemeriksaan faktor penyakit kardiovaskular, pemeriksaan kanser kolorektal, pemeriksaan kanser payudara dan pemeriksaan kanser pangkal rahim (serviks).

Pemeriksaan saringan ini adalah untuk mengetahui sama ada kita mempunyai penyakit atau kondisi tertentu walaupun kita tidak ada mempunyai sebarang gejala atau tanda-tanda penyakit. Pengesanan awal bermakna kita boleh mendapatkan rawatan awal bagi penyakit tersebut dan membolehkan kita untuk mencapai kawalan penyakit yang lebih bagus. Ini dapat mengelakkan kita daripada menjalani sebarang pembedahan atau prosedur besar yang mempunyai komplikasi yang tersendiri. Untuk maklumat lanjut, sila layari: ppkk.gov.bn.

Kelebihan membuat saringan untuk penyakit kanser

- Dengan membuat saringan ini, ianya bagus untuk mengesan kanser pada peringkat awal.
- Ramai pesakit dikesan bila tiada tanda-tanda kanser.
- Kanser pada peringkat awal kerap kali mendapat rawatan kuratif.
- Mengurangkan beban sosial yang dapat membantu mengurangkan beban ekonomi keluarga dan perbelanjaan perubatan keseluruhan.

Pencegahan dan pengesanan awal

- Melakukan pemeriksaan secara rutin : Menghadiri klinik atau pusat kesihatan berdekatan kita untuk pemeriksaan rutin dan penilaian kesihatan.
- Amalkan gaya hidup sihat: buatlah pilihan pemakanan, senaman dan tabiat yang dapat mengurangkan risiko mendapat kanser.
- Penilaian susulan : Menilai semula kesihatan kita secara rutin, terutamanya jika terdapat perubahan gaya hidup atau

status kesihatan kita.

- Galakkan orang lain : Berikan inspirasi kepada rakan dan keluarga kita untuk mengutamakan kesihatan mereka dan mengambil langkah proaktif dalam pencegahan dan pengesanan awal kanser.

Kurangkan risiko

- Melakukan kegiatan fizikal sekurang-kurangnya 30 minit sehari, lima kali seminggu.
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang
- Berhenti merokok

Hari Kanser Sedunia.

Setiap tahun pada tanggal 4 Februari adalah Hari Kanser Sedunia yang disambut di seluruh dunia untuk meningkatkan kesedaran khalayak ramai mengenai penyakit kanser. Tahun ini adalah merupakan tahun ketiga dan terakhir untuk tema global 'Close the Care Gap' (Menutup Jurang Penjagaan). Matlamat tema ini adalah untuk mengurangkan ketidakseimbangan rawatan dan penjagaan untuk pesakit-pesakit kanser.

Penutup

Oleh itu, pentingnya pengesanan awal kanser akan memberikan lebih banyak peluang untuk individu bertahan hidup dan menjalani kehidupan yang berkualiti walaupun berhadapan dengan penyakit kanser. Pengesanan awal juga akan membantu pesakit mendapatkan sokongan moral dari keluarga tersayang dan kawan-kawan terdekat.





Mendidik permata hati menuju kecemerlangan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

LAHIR sahaja seorang anak damit, maka pada saat itu juga pasangan suami isteri akan menjadi guru kepada anaknya. Menjadi ibu bapa bukan hanya bertanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan dan kebajikan anak, tetapi menjadi guru pertama kepada cahaya mata sebelum mereka menjejaskan kaki ke dunia persekolahan.

Anak-anak hendaklah diberi pendidikan yang sempurna seawal mungkin. Ibu bapa hendaklah memberi perhatian dan tumpuan pendidikan sempurna sepenuhnya untuk memastikan anak tersebut menjadi anak yang soleh setelah lahir ke dunia ini.

Sebagai ibu bapa, mereka hendaklah sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap anak-anak sama ada dari segi emosi, mental mahupun fizikal. Ibu bapa yang bertanggungjawab mencorak dan mendidik mereka dengan didikan yang baik dan sempurna. Anak-anak ibarat kain putih maka ibu bapalah yang akan membentuk anak-anak untuk menjadi seorang manusia yang berguna untuk agama, bangsa dan tanah air. Tetapi, masih ada ibu bapa yang lupa akan tanggungjawab untuk mendidik anak sebaik sahaja mereka menempuhi alam persekolahan.

Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan masa itu dengan sebaik mungkin demi masa depan dan pembentukan peribadi anak yang cemerlang.

Pendidikan agama sejak kecil

Sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memberi anak didikan agama sejak awal usia lagi. Didikan agama secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi sikap anak untuk membezakan yang mana betul dan yang salah. Pembentukan peribadi anak

yang seimbang pasti akan mempengaruhi kehidupan mereka sehingga mereka melangkah ke alam dewasa kerana pendidikan awal dari ibu bapa. Ia akan menjadi pedoman hidup untuk anak mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang dilarang agama.

Bagi memastikan anak mampu berhadapan dengan onak duri kehidupan pada usia seterusnya, ibu bapa perlu membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kesedaran mengenai dunia luar yang umumnya mempunyai pelbagai cabaran. Ajarkan anak mengenai pergaulan, komunikasi, pembangunan rohani, kemahiran sara diri dan penguasaan mental kerana semua itu sangat penting.

Peka perkembangan sosial, mental dan rohani

Ramai ibu bapa yang menekankan mengenai pencapaian pendidikan sahaja sehingga lupa akan perasaan dan kemahuan anak itu sendiri atau kesejahteraan mental mereka. Sebagai guru pertama kepada anak, seharusnya ibu bapa lebih peka dengan perkembangan bukan sahaja dari segi pencapaian akademik, tetapi juga perlu peka terhadap sosial, mental dan rohani malah paling utama adab sopan dan budi pekerti.

Pengetahuan dan kesedaran dari aspek rohani juga tidak kurang penting bagi membentuk dan memimpin anak dalam membezakan hal baik atau buruk. Perkembangan rohani sangat penting dipelihara supaya dapat membentuk peribadi anak yang bermoral dan beretika.

Selain itu, ibu bapa harus menjadi pendengar yang baik dengan memahami masalah anak-anak. Dengan menjadi pendengar yang baik, ibu bapa dapat memainkan peranan dalam membantu kecemerlangan anak-anak. Masalah dan kesedihan anak-anak mestilah dikongsi bersama-sama agar perasaan tersebut tidak akan terpendam yang akan

menjadi satu tekanan dalam diri anak-anak.

Pengurusan emosi juga adalah satu aspek yang sangat penting. Semakin meningkat usia maka bertambah banyak dugaan yang mampu menjejaskan pembentukan peribadi, justeru perlunya mereka mempunyai ketahanan mental dan pengurusan emosi yang baik. Malah, pada era kehidupan sekarang, pengurusan emosi sangat penting supaya anak-anak mampu untuk berhadapan dengan sebarang cabaran.

Kecemerlangan ibu bapa contoh terbaik untuk anak

Cemerlang ibu bapa, maka cemerlanglah anak-anaknya. Itulah makna sebenar kecemerlangan jika dikaitkan dengan peranan ibu bapa dalam membantu kecemerlangan anak-anak. Ibu bapa adalah insan yang lebih rapat dengan anak berbanding orang lain, walaupun bukannya guru, tidak dinafikan tanggungjawab ibu bapa juga menentukan kejayaan anak-anak.

Peranan ibu bapa dalam membantu kecemerlangan anak-anak adalah mengawasi perkembangan dan pergaulan mereka bersama rakan sebaya. Ibu bapa juga hendaklah membantu anak-anak dengan meluangkan masa bersama mereka. Awda boleh berbual mengenai masalah yang dihadapi anak dan menasihati mereka. Selain mengeratkan lagi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak, ia adalah peranan ibu bapa dalam membantu kecemerlangan anak-anak.

Ibu bapa cerminan akhlak anak

Dalam mendidik anak-anak ibu bapa juga perlu menjadi contoh teladan dengan menunjukkan sikap dan budi pekerti yang baik di hadapan anak-anak kerana anak-anak cenderung mengikuti tingkah laku yang paling hampir dengan mereka.

Kekurangan bimbingan agama dan ketiadaan contoh tauladan daripada ibu bapa boleh mempengaruhi akhlak anak-anak.

Namun, setakat menjalankan tanggungjawab dalam mendidik anak tidak juga begitu tepat. Sebaliknya, ibu bapa juga perlu menjadi dan menunjukkan contoh yang baik kepada anak. Mendidik dan mempraktikkan perkara yang diajarkan kepada anak adalah kaedah pembelajaran terbaik. Hal ini kerana ia sangat telus dan dapat dilihat anak. Mereka akan bertindak melalui panduan ibu bapa secara langsung. Malah, anak akan mencerminkan ibu bapa mereka dalam setiap perkara yang mereka lakukan.

Memberikan sokongan sepenuhnya

Sokongan daripada ibu bapa adalah amat penting dalam pendidikan anak-anak. Tanpa sokongan dari kita sebagai ibu bapa, anak-anak merasakan mereka tidak dihargai dan tidak bersemangat untuk belajar. Sokongan yang dapat diberi adalah seperti galakan, sokongan moral dan sokongan dari segi kewangan. Sebagai contoh, sekiranya anak kita minat akan sesuatu perkara ataupun dalam sesuatu bidang dalam pendidikan, kita sebagai ibu bapa seharusnya memberikan sokongan yang sepenuhnya terhadap mereka. Jangan bersikap endah tak endah dengan setiap kemahuan anak jika kita mampu memenuhinya kerana kita tidak tahu kejayaan seperti apa yang akan diperoleh oleh anak kita.

Kesimpulan

Anak merupakan permata hati kita yang sangat berharga. Tunaikanlah tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menjaga mereka dengan sebaik-baiknya. Didikan duniawi dan ukhrawi akan menjadikan mereka berjaya di dunia dan juga di akhirat. InsyaaAllah.



SEOUL DAN HAVANA SAMBUNG SEMULA HUBUNGAN DIPLOMATIK SELEPAS 60 TAHUN



NEW YORK, 15 Feb. - Selepas lebih 60 tahun, Cuba dan Korea Selatan akhirnya menyambung semula hubungan diplomatik, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Pemulihan hubungan rasmi

itu selaras dengan pertukaran nota diplomatik antara misi kedua-dua negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York. "Keputusan untuk memulihkan

hubungan rasmi antara kedua-dua negara itu dibuat selaras dengan tujuan dan prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Undang-Undang Antarabangsa dan selaras dengan semangat dan

peraturan yang ditetapkan dalam Konvensyen Vienna mengenai Hubungan Diplomatik pada 18 April 1961," menurut kenyataan wakil Korea Selatan di PBB pada Rabu.

Cuba dan Korea Selatan memutuskan hubungan diplomatik selepas Revolusi Cuba pada tahun 1959. - ©BERNAMA

Kenya : 12 juta kanak-kanak terjejas akibat "kejutan iklim"

NAIROBI, 15 Feb. - Lebih 12 juta kanak-kanak di Kenya terjejas akibat fenomena dan tekanan yang berlaku disebabkan perubahan iklim yang tidak dijangka atau "kejutan iklim", lapor Xinhua.

Kementerian Alam Sekitar, Perubahan Iklim dan Perhutanan berkata daripada jumlah itu, 2.4 juta daripada kanak-kanak itu tinggal di kawasan gersang dan separa gersang. "Kelangsungan hidup kanak-kanak ini terancam akibat kesan perubahan iklim," menurut kementerian itu dalam satu kenyataan pada Rabu. Beberapa kesan buruk teruk

perubahan iklim yang menjejaskan kanak-kanak itu termasuk penyakit seperti kolera disebabkan banjir dan kekurangan zat makanan akibat kemarau. Kemarau dan banjir yang merupakan kejadian biasa di Kenya sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga menyebabkan penduduk terpaksa berpindah.

"Keadaan yang teruk yang dialami setiap lapisan masyarakat ini memerlukan campur tangan segera bagi menjamin masa depan kanak-kanak di Kenya," menurut kementerian itu.

Menurut Pihak Berkuasa Pengurusan Kemarau

Kebangsaan, kira-kira sejuta kanak-kanak mengalami kekurangan zat makanan akibat kemarau yang kerap, terutama di kawasan gersang dan separa gersang. Kenya adalah antara negara di Afrika yang paling teruk dilanda perubahan iklim, selain Somalia dan Ethiopia.

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, semasa kemarau terburuk dalam tempoh 40 tahun di Afrika pada 2023, kira-kira 23.4 juta orang mengalami kelaparan, dengan 5.1 juta membabitkan kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan. - ©BERNAMA

Seorang maut, 22 cedera dalam insiden tembakan di Missouri, AS

CHICAGO, 15 Feb. - Sekurang-kurangnya seorang terbunuh manakala 22 lagi cedera dalam insiden tembakan rambang semasa perarakan kemenangan Kejohanan Super Bowl di Kansas City, Missouri di Amerika Syarikat (AS) pada Rabu.

Dalam sidang media, ketua Jabatan Polis Kansas City, Stacey Graves berkata kejadian berlaku di Union Station ketika orang ramai berkumpul menyaksikan perarakan pasukan Kansas City Chiefs, lapor Xinhua.

Graves berkata polis menahan tiga individu untuk siasatan lanjut. Menurut beliau, lebih 800 pegawai penguatkuasa undang-undang berada di tempat kejadian untuk mengawal keselamatan orang ramai.

"Tembakan telah dilepaskan di sekitar Union Station. Sila tinggalkan kawasan itu," kata Jabatan Polis Kansas City di X.

Sementara itu, Konsulat Jeneral China di Chicago menghubungi Jabatan Polis Kansas City dan mengesahkan tiada warga China yang cedera atau terbunuh dalam kejadian berkenaan. - ©BERNAMA

Tiga maut dalam kejadian bot karam di Laut Selatan

SEOUL, 16 Feb. - Angka kematian dalam kejadian bot nelayan karam di Laut Selatan pada Khamis meningkat kepada tiga orang, selepas seorang lagi mayat mangsa yang hilang ditemukan pada Jumaat, menurut Pengawal Pantai.

Kapal seberat enam tan yang membawa enam anak kapal itu karam pada 1 tengah hari di laut Wando di wilayah Jeolla Selatan, kira-kira 360 kilometer ke selatan Seoul, lapor Agensi Berita Yonhap.

Tiga anak kapal diselamatkan oleh kapal berhampiran sejurus selepas kemalangan itu manakala dua lagi, termasuk kapten meninggal dunia di tempat kejadian, menurut Pengawal Pantai.

Mangsa yang hilang itu kemudian ditemukan di sebuah sangkar ikan kira-kira 1.4 km dari lokasi kejadian pada pagi Jumaat. - ©BERNAMA

Serangan Israel di Gaza paksa penduduk palestini kembali jalani hidup 'primitif'

BANDARAYA GAZA, 16 Feb. - Demi kelangsungan hidup, Abu Muhammad Hassan, seorang warga emas Palestin, terpaksa menghadapi kesukaran dan ancaman bahaya untuk mencari kayu api dari bawah runtuh rumah yang musnah akibat serangan tentera penceroboh Israel di Semenanjung Gaza.

Ketika keluar mencari kayu api warga emas itu sering ditemani cucu perempuannya yang berusia 7 tahun, Maryam.

"Saya keluar setiap pagi untuk mengutip kayu kerana kami tidak mempunyai bahan api atau gas untuk memanaskan atau menyediakan makanan. Keadaan di sini sangat sukar," kata Hassan kepada Agensi Anadolu.

Penduduk di wilayah itu, terpaksa meluangkan masa yang lama setiap hari untuk mengumpul kayu dan kadbod untuk dijadikan sebagai bahan api bagi menyediakan makanan, memanaskan air dan kegunaan harian yang lain.

"Beginilah penderitaan yang terpaksa kami lalui di utara Gaza? Kami mengutip kayu api dari merata tempat malah dari tempat yang musnah dan berbahaya," kata Hassan.

Sejak Israel melancarkan perang kejamnya di Semenanjung Gaza pada 7 Oktober, penduduk wilayah menderita kekurangan bahan api dan gas memasak.

"Tiada gas, tiada air, tiada tepung gandum, malah beras sebagai pengganti tepung tidak wujud," kata warga emas itu.

"Kami tidak menerima sebarang bantuan di sini, di utara Semenanjung Gaza," katanya.

Sebelum perang, hanya beberapa keluarga sahaja membeli kayu api pada musim sejuk. Bagaimanapun, untuk kelangsungan hidup memaksa semua rakyat Palestin kembali menjalani kehidupan 'primitif'. - ©BERNAMA

Gincu tertua ditemukan di Iran

JIROFT (Iran), 14 Feb. - Ahli arkeologi menemukan bekas kecil klorit yang mengandungi penyediaan kosmetik merah tua dipercayai gincu purba, di wilayah Jiroft di tenggara Iran.

Penemuan yang diterbitkan dalam pelbagai jurnal saintifik itu menunjukkan bahawa komponen mineral daripada bahan berwarna kemerahan, termasuk hematit menjadi gelap disebabkan oleh manganit dan braunit, selain

kesan kemerah-merahan dan anglesit.

Bahan-bahan itu, bercampur dengan lilin tumbuh-tumbuhan dan bahan organik lain serta hampir sama dengan resipi gincu kontemporari, lapor Agensi Berita Iran IRNA.

Penemuan bertarikh 4,000 tahun itu, menonjolkan pengetahuan canggih orang Iran purba dalam pemrosesan kimia.

Seorang profesor di Universiti

Tehran dan ahli arkeologi yang menyumbang kepada penemuan itu, Dr. Nasir Eskandari memberitahu IRNA bahawa kajian itu bertujuan untuk mendedahkan peranan perintis orang Iran purba dalam bidang sains kimia.

Beliau berkata bahan yang ditemukan itu menunjukkan bahawa orang Iran adalah pencipta pertama gincu. - ©BERNAMA

Penggunaan tembakau semakin berkurangan di seluruh dunia

MOSCOW, 16 Feb. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Jumaat berkata kebanyakan negara di seluruh dunia berjaya mengurangkan penggunaan tembakau, dengan kira-kira satu daripada lima orang dewasa mengambil tembakau pada 2022 dan menggesa dasar kawalan tembakau dan memerangi gangguan oleh industri tembakau dikuatkuasakan, lapor Sputnik.

Trend pada 2022 menunjukkan penurunan berterusan kadar penggunaan tembakau berbanding satu daripada tiga orang pada tahun 2000. Laporan itu menunjukkan 150 negara berjaya mengurangkan penggunaan tembakau.

Brazil dan Belanda menyaksikan kejayaan pelaksanaan kawalan tembakau MPOWER, dengan Brazil membuat pengurangan

relatif sebanyak 35 peratus sejak 2010 dan Belanda hampir mencapai sasaran 30 peratus, menurut WHO dalam laporan terkini.

Jumlah pengguna tembakau berumur 15 tahun ke atas telah menurun secara berterusan kepada anggaran 1.245 bilion pada 2022 daripada 1.362 bilion pada 2000 dengan unjuran penurunan berterusan kepada 1.20 bilion orang menjelang 2025.

Pada masa yang sama, WHO rantau Asia Tenggara dan rantau Eropah melaporkan peratusan tertinggi angka pengguna tembakau, masing-masing pada kira-kira 26.5 peratus dan 25.3 peratus.

WHO berkata matlamat global sukarela untuk mengurangkan 30 peratus penggunaan tembakau

menjelang 2025 dijangka tidak tercapai, kecuali di 56 negara.

Organisasi itu menggesa kerajaan supaya terus melaksanakan dasar kawalan tembakau dan memerangi gangguan industri tembakau memandangkan usaha untuk melindungi dasar kesihatan daripada peningkatan gangguan industri tembakau semakin merosot di seluruh dunia, menurut Pengarah Jabatan Promosi Kesihatan WHO, Dr. Ruediger Krech.

Organisasi itu juga berkata kanak-kanak berumur 13-15 tahun juga terus menggunakan produk tembakau dan nikotini di kebanyakan negara walaupun undang-undang hanya membenarkan orang dewasa membelinya disebabkan mudah untuk mendapatkannya. - ©BERNAMA



KKBS KOMITED TINGKATKAN PEMBANGUNAN BOLA SEPAK NEGARA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menerima kunjungan hormat daripada Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff yang berlangsung di kementerian berkenan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Februari. - Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) akan terus memberi sokongan penuh kepada Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) dalam semua aspek pembangunan bola sepak di negara ini.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad semasa menerima kunjungan hormat daripada Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff yang berlangsung di kementerian berkenaan kelmarin, 13 Februari 2024.

Yang Berhormat percaya Presiden dan Timbalan Presiden FABD yang baharu dilantik berkenaan akan dapat menerajui FABD dengan penuh wibawa dan berjaya.

Terdahulu, Yang Berhormat melahirkan ucapan tahniah atas lantikan dalam

pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden FABD bagi sesi 2024 hingga 2028.

Sementara itu, Presiden FABD pula meminta sokongan padu daripada pihak KKBS dalam sama-sama mengembang dan memajukan lagi bola sepak di negara ini.

Kunjungan berkenaan merupakan salah satu langkah FABD untuk mengukuhkan sokongan dari KKBS di samping mencari peluang-peluang baharu dalam usaha merubah landskap bola sepak negara di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim; Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; dan Pemangku Setiausaha Agung FABD, Awang Ahmad Za'eem bin Omarali

Terengganu sedia harungi Liga Futsal tanpa tonggak import

KUALA TERENGGANU, 16 Feb. - Ketidadaan tonggak import tidak menjejaskan semangat pasukan futsal Terengganu berdepan cabaran Liga Perdana Futsal Malaysia (MPFL), musim ini.

Malah Ketua Jurulatihnya Mohd Rozairi Ahmad menganggap situasi itu sebagai suatu kelebihan dan peluang untuk pemain tempatan beraksi.

Mohd Rozairi berkata untuk musim ini, Terengganu membariskan 70 peratus muka baharu untuk berdepan tujuh pasukan lain yang memiliki pemain import.

"Tahun lepas kita ada dua pemain import, tetapi tahun ini kita tiada pemain import atas sebab tertentu. Selain itu, 80 peratus daripada muka baharu ialah pemain muda yang kita ambil dari skuad Sukan Malaysia (SUKMA).

"Walaupun muda, tidak bermakna mereka tidak berdaya saing. Penyertaan atlet SUKMA dalam pasukan futsal Terengganu, boleh dianggap sebagai medan latihan sebelum aksi sebenar di Sarawak pada bulan Ogos," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mohd Rozairi berkata Terengganu bakal berdepan ujian pertama menentang KL City di Stadium Negeri esok (Sabtu) dan walaupun memulakan sesi latihan agak lewat berbanding pasukan lain, beliau tetap yakin anak buahnya mampu menggunakan kelebihan beraksi di tempat sendiri untuk mengutip mata pertama.

Pada musim lalu, skuad Terengganu berjaya mara ke peringkat suku akhir dalam saingan liga dan menduduki tempat keempat Piala MPFL. - ©BERNAMA

Thailand kini di kedudukan 101 ranking FIFA

BANGKOK, 16 Feb. - Pasukan bola sepak lelaki Thailand kini berada di kedudukan 101 dalam senarai ranking dunia Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) berbanding di tempat ke 113 sebelum ini.

Thailand mendaki 12 anak tangga untuk mengekalkan ranking teratas FIFA di Asia Tenggara diikuti Vietnam, Malaysia, Filipina, Indonesia dan Singapura.

Persatuan Bola Sepak (FA) Thailand berkata War Elephants berjaya memperbaiki ranking mereka susulan prestasi yang baik dalam kejohanan Piala

Asia 2023 di Doha baru-baru ini.

Di bawah pimpinan jurulatih Masatada Ishii, Thailand membuat kejutan apabila berjaya melangkah ke peringkat kalah mati.

Thailand menunjukkan momentum yang positif dengan memperoleh kemenangan 2-0 ke atas Kyrgyzstan, seri tanpa jaringan ketika bertemu Oman dan Arab Saudi untuk mara ke peringkat seterusnya.

Namun, pasukan itu tersingkir selepas kecundang 1-2 di tangan Uzbekistan pada pusingan kalah mati. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

DENGAN terbinanya Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang telah dirasmikan pada 23 September 1983, beberapa upacara gemilang dan meriah telah pun dilangsungkan di Stadium ini. Di antara upacara-upacara bersejarah yang telah diadakan itu ialah Upacara Sambutan Ulangtahun Pertama Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1985. Satu lagi upacara penting yang berlangsung di sini ialah Pesta Sukan Merdeka, yang mana antara tujuannya ialah bagi memperingati Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Pembukaan Rasmi Pesta Sukan Merdeka 1985, bertempat Di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada Ahad, 2 Rejab 1405 bersamaan 24 Mac 1985.

SUMBER : Pelita Brunei